



Fakulti Bahasa dan Komunikasi

**PERSAMAAN DAN KEMIRIPAN BAHASA MELANAU : PERBANDINGAN KOSA
KATA DASAR MELANAU RAJANG DAN MELANAU MUKAH**

Nurulfarahana Binti Roslan

(54355)

Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik)

Universiti Malaysia Sarawak

2018

**Persamaan dan Kemiripan Bahasa Melanau : Perbandingan Kosa Kata Dasar Melanau
Rajang dan Melanau Mukah**

oleh

Nurulfarahana Binti Roslan

(54355)

Projek tahun akhir ini dihantar sebagai memenuhi salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik)
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Malaysia Sarawak

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Gred : _____

Sila tandakan (☐)

Projek Tahun Akhir

Sarjana

PhD

PENGAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA

Perakuan ini telah dibuat pada **22 Mei 2018**.

Pengakuan Pelajar:

Saya **NURULFAHANA BINTI ROSLAN (54355)** dari **FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja bertajuk **PERSAMAAN DAN KEMIRIPAN BAHASA MELANAU : PERBANDINGAN KOSA KATA DASAR MELANAU RAJANG DAN MELANAU MUKAH** adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

Tarikh serahan : 22 Mei 2018

NURULFAHANA BINTI ROSLAN (54355)

Pengesahan Penyelia:

Saya **DAYANG SARIAH BINTI ABANG SUHAI** dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk **PERSAMAAN DAN KEMIRIPAN BAHASA MELANAU : PERBANDINGAN KOSA KATA DASAR MELANAU RAJANG DAN MELANAU MUKAH** telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada **FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** sebagai * memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan **IJAZAH SARJANA MUDA SASIERA (LINGUISTIK) DENGAN KEPUIJIAN** dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

Diterima untuk pemeriksaan oleh:

Tarikh:

(DAYANG SARIAH BINTI ABANG SUHAI)

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (√) :

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
 TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dijalankan)
 AKSES TERBUKA

Pengesahan Projek / Tesis

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.
- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbit atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.
- Projek/Tesis ini adalah harta undang-undang Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan bagi tujuan akademik dan penyelidikan sahaja dan bukan untuk tujuan lain.
- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk mendigitalkan kandungan tesis ini untuk Kandungan Pangkalan Data Tempatan.

Tandatangan Pelajar :

Tandatangan Penyelia :

Tarikh : 22 Mei 2018)

Tarikh :

**NO 31 KAMPUNG BARU SPAOH,
BETONG, SARAWAK.**

Nota: *Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi beserta sebab dan tempoh kerahsiaan dansekatan.

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]

Penghargaan

Bismillahirrahmanirohim.

Pertama sekali, saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya saya mampu menyiapkan projek tahun akhir saya ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia yang saya hormati iaitu Puan Dayang Sariah Binti Abang Suhai atas bantuan, tunjuk ajar, nasihat dan teguran yang sangat berguna diberikan sepanjang saya menyiapkan projek tahun akhir ini. Di samping itu, terima kasih juga diberikan kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi kerana memberi banyak sumbangan ilmu dan semangat kepada saya dalam menyiapkan projek tahun akhir.

Selain itu, ucapkan terima kasih diucapkan kepada Tabung Baitulmal Sarawak yang memberi bantuan dari segi kewangan semasa saya menyiapkan projek tahun akhir ini. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada dua orang informan saya yang berasal dari Kampung Jerijih, iaitu Encik Nor Azman Bin Mat dan Dayang Rosmah Binti Awang Fauzi kerana meluangkan masa dengan saya dan tanpa mereka saya tidak dapat mengumpul data untuk menyiapkan projek tahun akhir saya. Jutaan terima kasih juga diberikan kepada kedua-dua ibu bapa saya yang banyak memberi sokongan dan sentiasa mendoakan kejayaan semasa saya menyiapkan projek tahun akhir saya. Dalam masa yang sama, terima kasih juga kepada rakan-rakan saya kerana sentiasa memberi semangat supaya saya tidak putus asa semasa menyiapkan projek tahun akhir saya ini. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan.

Abstrak

Fokus utama kajian ini adalah untuk membandingkan kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah dan menentukan tingkat kekerabatan antara kedua-dua Melanau ini. Kajian ini akan memanfaatkan kaedah perbandingan kosa kata dasar atau leksikostatistik untuk mengenal pasti persamaan, kemiripan dan perbezaan kosa kata dasar kedua-dua Melanau tersebut. Perbandingan juga dilaksanakan untuk menentukan kata-kata yang berkognat, mengira peratus kognat antara kedua-dua Melanau tersebut dan akhirnya menentukan tingkat kekerabatan antara kedua-dua Melanau yang berkenaan berasaskan jadual tingkat kekerabatan bahasa cadangan Gudschinsky (1964). Hasil analisis perbandingan kosa kata dasar menunjukkan bahasa kedua-dua bahasa Melanau tersebut bertaraf bahasa dalam keluarga bahasa Melanau dan bukannya dialek daripada bahasa yang sama. Secara keseluruhan, kajian ini dapat memperjelaskan status linguistik bahasa Melanau di Sarawak.

Abstract

The main focus of this article is to compare the basic vocabulary of two Melanau languages, which are Melanau Rajang and Melanau Mukah adan to determine the degree of relations between these languages. The current study utilized the comparison of the basic vocabulary or lexicostatistical method to find the similarities, resemblance and differences between the basic vocabulary of the two languages. The comparison also set out to identify the cognate words, calculate the cognate percentage between those languages and also determine the degree of genetic relationship between the languages, based on the degree of language relation schedule suggested by Gudschinsky (1964). The results of the comparative analysis of the basic vocabulary showed that the two Melanau languages are classified as languages in the Melanau languages family and not dialects from the same languages. The results of the current research shed light on the linguistic status of the Melanau languages in Sarawak.

KANDUNGAN

<u>SENARAI KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
PENGISTIHARAN KEASLIAN HASIL KERJA	i
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI PETA	viii
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1.1 Latar Belakang Melanau	1
1.1.2 Bahasa Melanau	4
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Tujuan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Istilah Definisi Operasi	6
1.5.1 Perbandingan	6
1.5.2 Kosa Kata	6
1.5.3 Bahasa	6
1.5.4 Kata Kognat	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
BAB 2 : SOROTAN KAJIAN	
2.0 Pengenalan	9
2.1 Kajian Bahasa	9
2.1.1 Kajian Bahasa Melanau	9
2.1.2 Kajian Bahasa Bukan Melanau	12
2.2 Kajian Budaya	13
2.3 Rumusan	15
BAB 3 : METODOLOGI	
3.0 Pengenalan	16
3.1 Reka Bentuk Kajian	16
3.2 Instrumen Kajian	17
3.3 Pemilihan Kajian	17
3.4 Kriteria Pemilihan Informan	17
3.5 Kawasan Kajian	18
3.6 Kaedah Pengumpulan Data	18
3.6.1 Kajian Lapangan	19
3.6.1.1 Menyediakan 100 kosa kata dasar Swadesh	19
3.6.1.2 Mengenal pasti 2 orang informan kajian	19
3.6.1.3 Menjalankan temu bual berstruktur berdasarkan bahan kajian	19
3.6.1.4 Merakamkan data dan mencatat data daripada informan	20
3.6.2 Kajian Kepustakaan	20
3.6.2.1 Menyediakan 100 kosa kata dasar Swadesh	20

3.6.2.2 Mengenal pasti/ Mengeluarkan korpus yang sama daripada data senarai 100 kosa kata dasar	20
3.7 Kaedah Analisis Data	21
3.7.1 Mentranskripsi data lapangan	21
3.7.2 Membandingkan kedua-dua bentuk data dari kajian lapangan dan kajian kepustakaan (korpus)	21
3.7.3 Mengira peratus kata yang berkognat menggunakan kaedah leksikostatistik	22
3.7.4 Menentukan tingkat kekerabatan Melanau Rajang dengan dialek Melanau Mukah	22
3.8 Batasan Kajian	23
BAB 4 : DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pengenalan	24
4.1 Mengenal pasti persamaan, kemiripan dan perbezaan kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah	24
4.1.1 Persamaan	25
4.1.2 Kemiripan	26
4.1.2.1 Perubahan Pola Fonem /a/ ke Fonem /o/	28
4.1.2.2 Perubahan Pola Fonem /u/ ke Fonem /uo/	29
4.1.2.3 Perubahan Pola Fonem /a/ ke Fonem /ea/	30
4.1.2.4 Perubahan Pola Fonem /a/ ke Fonem /ə/	30
4.1.2.5 Pola Pengguguran Fonem Akhir Konsonan /h/ ke fonem terbuka vokal /a/	31
4.1.3 Perbezaan	32
4.2 Menentukan kata-kata yang berkognat dan mengira peratus kognat antara Melanau Rajang dengan Melanau Mukah	34
4.2.1 Analisis Kognat	36
4.3 Menentukan status hubungan bahasa Melanau anantara Melanau Rajang dan Melanau Mukah, sama ada berstatus dialek atau bahasa	38
4.4 Perbincangan Kajian	39
4.5 Rumusan	40
BAB 5 : KESIMPULAN	
5.0 Pengenalan	42
5.1 Rumusan Kajian	42
5.2 Implikasi Kajian	44
5.3 Cadangan Kajian	45
5.4 Kesimpulan	46
RUJUKAN	47
LAMPIRAN	49

SENARAI JADUAL

Bil.	Jadual	Muka Surat
1.	Populasi Penduduk	1
2.	Tingkat Keperabatan Bahasa	23
3.	Kosa Kata Dasar yang Tidak Ditolak	25
4.	Persamaan Kosa Kata Melanau Rajang dan Melanau Mukah	26
5.	Kemiripan kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah	27
6.	Perubahan Pola Fonem /a/ ke Fonem /o/	28
7.	Perubahan Pola Fonem /u/ ke Fonem /uo/	29
8.	Perubahan Pola Fonem /a/ ke Fonem /ea/	30
9.	Perubahan Pola Fonem /a/ ke Fonem /ə/	31
10.	Pola Pengguguran Fonem Akhir Konsonan /h/ ke Fonem Terbuka Vokal /a/	31
11.	Perbezaan Kosa Kata Melanau Rajang dan Melanau Mukah	32
12.	Perbandingan 100 kosa kata dasar Melanau Rajang dengan Melanau Mukah	34
13.	Jumlah Kata Berkognat & Bukan Berkognat	37
14.	Tingkat Keperabatan Bahasa	38
15.	Senarai Kata	49

SENARAI PETA

Bil.	Peta	Muka Surat
1.	Kawasan Tumpuan Kajian – Melanau Rajang dan Melanau Mukah	2
2.	Kawasan Kajian (Kampung Jerijeh)	3
3.	Kawasan Kajian (Mukah)	3

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

1.1.1. Latar Belakang Melanau

Masyarakat Melanau merupakan etnik yang kelima terbesar di negeri Sarawak selepas Iban, Cina, Melayu, dan Bidayuh (Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, 2010). Penempatan utama komuniti Melanau kebanyakannya terletak di muara sungai dan juga anak sungai di kawasan pesisiran dari daerah Rajang di Bahagian keenam hingga ke daerah Bintulu di Bahagian keempat (Yasir, 1987 & Chong Sin, 2015). Populasi penduduk mengikut kawasan penempatan Melanau di Sarawak adalah seperti berikut :

Jadual 1 : Populasi Penduduk

Kawasan	Bilangan (orang)
Dalat & Oya	14 737
Matu & Igan	12 449
Daro & Balingan	21 271
Mukah & Balingan	18 241
Miri	9 277
Bintulu & Tatau	19 109
Sibu & Konawit	14 863
Jumlah	109 947

(Sumber : Majlis Adat Istiadat Sarawak, 2010)

Masyarakat Melanau merupakan kaum yang kelima terbesar di Sarawak dan setiap tempat mempunyai kosa kata yang berbeza dan mempunyai pelbagai kosa kata dasar yang amat menarik untuk dikaji terutamanya dalam perbandingan kosa kata dasar. Menurut Lawrence dan Hewitt (Ray 1913, 5), beliau membezakan bahagian Melanau kepada dua belas iaitu Melanau Mukah, Melanau Bintulu atau Segaan, Miri, Dallis, Narom, Melanau Matu Melanau Rejang, Igan, Sigalang, Siduan, Tutong dan Balait.

Di samping itu, berdasarkan Yasir (1987:5) pula terdapat empat kelompok utama dalam pola penempatan Melanau di Sarawak, iaitu kawasan Rajang yang termasuk komuniti

Melanau di Belawai, Rajang, Paloh, Daro dan Matu; kawasan Mukah Dalam yang termasuk komuniti Melanau di Mukah, Jebungan, Penakub, Teh, Sesok, Tetus, Tellian, Petanak, Oya, Igan, Dalat, Kut, Medong dan Narub; kawasan Balingian Tatau yang termasuk komuniti Melanau di Sungai Balingian dan Sungai Tatau; dan kawasan Bintulu yang termasuk komuniti di rantau Sungai Kemena dan Sebieu. Namun dalam kajian ini, pengkaji telah menfokuskan Melanau Rajang dan Melanau Mukah. Berikut merupakan peta yang menunjukkan kawasan tumpuan kajian, iaitu kawasan Melanau Rajang dan Melanau Mukah.

Peta 1: Kawasan Tumpuan Kajian – Melanau Rajang dan Melanau Mukah



(Sumber:

<https://www.google.com.my/maps/place/Belawai,+Sarawak/@2.4850542,111.9132421,9.75z/data=!4m13!1m7!3m6!1s0x31f9fa9ac0f25441:0xa1860a0d8465a31c!2sRajang,+Belawai,+Sarawak!3b1!8m2!3d2.154008!4d111.25!3m4!1s0x31f757e349d48559:0x5019d761cd358de7!8m2!3d2.2310339!4d111.2159729>)

Peta 2: Kawasan Kajian (Kampung Jerijeh)



(Sumber:

<https://www.google.com.my/maps/place/Pusat+Internet+1+Malaysia+Kg+Jerijeh/@2.1887781,111.2611485,12576m/data=!3m1!1e3!4m5!3m4!1s0x31f9fb96309fd65f:0x71e87aa6208bb116!8m2!3d2.2024258!4d111.2211596>)

Peta 3: Kawasan Kajian (Mukah)



(Sumber:

<https://www.google.com.my/maps/place/Mukah,+Sarawak/@2.7636636,112.201352,50366m/data=!3m1!1e3!4m5!3m4!1s0x31f64d025f56e901:0x53f662cb109e79fc!8m2!3d2.899697!4d112.093447>)

1.1.2. Bahasa Melanau

Bahasa Melanau adalah tergolong dalam cabang Nusantara dalam keluarga Austronesia (Nik Safiah et. al, 2004). Bahasa Melanau mempunyai kosa kata dasar yang tersendiri dan dibahagi kepada Melanau Mukah, Melanau Matu-Daro, Melanau Sibuan (Seduan), Melanau Balingian dan Melanau Rajang (Sumber Majlis Adat istiadat, 2010). Dalam kajian ini, aspek yang ditumpukan ialah kosa kata dasar untuk mengenal pasti persamaan, kemiripan dan perbezaan Melanau Rajang dan Melanau Mukah. Selain itu, kajian ini juga menentukan status hubungan bahasa Melanau antara Melanau Rajang dan Melanau Mukah, sama ada berstatus dialek atau bahasa. Bahasa Melanau mempunyai perbezaan kosa kata dasar mengikut tempat. Justeru itu, kajian Melanau ini menarik untuk dikaji terutamanya dalam perbandingan kosa kata dasar. Oleh itu apa yang ditumpukan ialah kosa kata untuk kedua-dua Melanau Rajang (khususnya Kampung Jerijeh) dan Melanau Mukah.

1.2. Penyataan Masalah

Banyak kajian Melanau dilakukan, namun kajian hanya lebih banyak berfokuskan kepada budaya dan kurang kajian tentang aspek bahasa. Misalnya kajian Munirah Abdul Ghani dan Tengku Intan Zarina Tengku Puji (2014) yang mengkaji persepsi masyarakat Melanau tradisional terhadap kosmologi dan kajian Muhammad Nur Iman Ramadhan et al. (2014) merupakan kajian tentang adat-adat perkahwinan kaum Melanau. Ada kajian dari aspek bahasa, namun lebih kepada kajian semantik, fonologi dan istilah tertentu, contohnya

kajian Rahim Aman (2015) telah mengkaji rekonstruksi vokal dan diftong bahasa Melanau Purba dan Norfazila (2016) mengkaji awal inventori fonem vokal dan diftong varian Melanau Oya. Oleh itu, kajian ini akan membuat perbandingan kosa kata dasar antara Melanau Rajang (khususnya kampung Jerijeh) dengan korpus Melanau Mukah iaitu menggunakan (Kamus Melanau Mukah Melayu Dewan, 2011). Persoalan yang akan timbul ialah “adakah penutur kedua-dua kelompok Melanau ini memahami antara satu sama lain ketika berkomunikasi?” Oleh itu, dalam kajian pengkaji akan membuat perbandingan kosa kata dasar Melanau Rajang khususnya Kampung Jerijeh dengan Melanau Mukah.

1.3. Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menentukan persamaan, kemiripan dan perbezaan antara Melanau dengan membuat perbandingan kosa kata dasar Melanau Rajang khususnya Kampung Jerijeh dengan Melanau Mukah.

1.4. Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- 1.4.1.** Mengenal pasti persamaan, kemiripan dan perbezaan kosa kata dasar Melanau Rajang dengan Melanau Mukah.
- 1.4.2.** Menentukan kata-kata yang berkognat dan mengira peratus kognat antara Melanau Rajang dan Melanau Mukah tersebut.
- 1.4.3.** Menentukan status hubungan bahasa Melanau antara Melanau Rajang dan Melanau Mukah, sama ada berstatus dialek atau bahasa.

1.5. Istilah Definisi Operasi

1.5.1. Perbandingan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007:120) perbandingan ialah imbangan, perimbangan dan persamaan. Perbandingan ialah cara yang digunakan untuk membandingkan dua atau lebih daripada dua bahasa atau dialek. Perbandingan ini digunakan untuk menyingkap perkaitan kekerabatan antara Melanau Rajang dengan Melanau Mukah. Oleh hal yang demikian, bidang perbandingan ini dianggap sebagai bidang yang mempelajari data-data daripada suatu bahasa atau lebih, sekurang-kurangnya dalam tempoh. Menurut Gorys Data-data daripada suatu bahasa dari dua tempoh atau lebih itu dibandingkan secara cermat untuk memperoleh kaedah-kaedah perubahan yang terjadi dalam bahasa itu (Noriah & Rohani, 2004).

1.5.2. Kosa Kata

Kosa kata bermaksud keseluruhan kata dalam sesuatu bahasa atau perbendaharaan kata (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007:825). Kosa kata dasar dalam bidang linguistik ialah sebahagian perkataan. Dalam masa yang sama, kosa kata dasar merupakan akar dan ia bersifat kompleks daripada segi morfologi seperti kata majmuk atau perkataan dengan morfem terbitan. Kosa kata dasar ini digunakan untuk mencari persamaan, kemiripan dan perbezaan Melanau iaitu membuat perbandingan kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah.

1.5.3. Bahasa

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007:106) bahasa ialah sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia (antara seorang individu dengan individu yang lain). Bahasa manusia yang berbeza-beza menyebabkan manusia cuba untuk menyelesaikannya dengan pelbagai cara.

1.5.4. Kata Kognat

Menurut Asmah Haji Osman (1985), kognat merupakan perkataan-perkataan yang berasal usul dari bahasa-bahasa yang serumpun, yang sama atau hampir sama dari segi makna dan sama atau hampir sama dari segi bunyinya. Selain itu, Noriah Mohamed dan Rohani Mohd. Yusof (2004) turut menyatakan bahawa pasangan kata berkognat bermaksud pasangan kata yang sama ataupun mirip dari segi bentuk dan makna. Pasangan kosa kata yang sama ialah pasangan yang menunjukkan kesamaan dari segi bentuk (fonem dan susunan fonem) dan makna secara seratus peratus. Selepas kosa kata yang tidak perlu telah disisihkan, maka pasangan kata berkognat antara dua bahasa akan ditentukan. Pasangan kata berkognat bermaksud pasangan kata yang sama atau mirip dari segi bentuk dan makna. Tujuan perbandingan kosa kata dasar adalah untuk menentukan taraf kognat antara perkataan yang dibandingkan, menghitung jumlah kata berkognat dan seterusnya menentukan peratus kata berkognat dengan cara membahagikan jumlah kata berkognat dengan jumlah kata yang dibandingkan yakni jumlah kata selepas ditolak kata yang diperlukan.

1.6. Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk menentukan persamaan, kemiripan dan perbezaan dengan membuat perbandingan kosa kata dasar Melanau Rajang khususnya Kampung Jerijeh dan Melanau Mukah. Hal ini disebabkan perbezaan kosa kata dasar ini disebabkan oleh faktor geografi dan pemindahan. Secara langsung persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam sesuatu dialek atau subdialek itu dapat memperkukuhkan bahawa perbezaan sesuatu bahasa atau dialek adalah mengikut sesebuah kawasan. Kedua-dua Melanau ini mempunyai keunikan di Sarawak dan kajian tentang Melanau tersebut seharusnya dilakukan. Persoalan yang akan timbul adakah orang Melanau Rajang faham kosa kata yang digunakan orang Melanau Mukah semasa berkomunikasi. Di samping itu, menentukan kata-kata yang berkognat dan mengira

peratus kognat antara dialek tersebut. Kajian dapat menentukan sama ada Melanau yang dituturkan adalah berstatus dialek atau bahasa. Selain itu, kajian ini dapat membuktikan bahawa Melanau yang dituturkan di Sarawak adalah berbeza mengikut tempat. Dalam masa yang sama, pengkaji dapat menambahkan ilmu kajian linguistik Melanau.

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Kajian perbandingan antara Melanau Rajang khususnya Kampung Jerijeh dengan Melanau Kampung Mukah belum pernah dikaji sebelum ini. Kebanyakan kajian yang telah dilakukan dalam masyarakat Melanau aspek bukan linguistik iaitu budaya masyarakat Melanau. Di samping itu, ada kajian yang menyentuh mengenai bahasa Melanau. Oleh itu, kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kajian bahasa dan kajian bukan budaya.

2.1. Kajian Bahasa

Kajian bahasa didefinisikan sebagai kajian ilmu bahasa atau ‘studi ilmiah mengenai bahasa’ (Matthews 1997). Kajian bahasa Melanau meliputi bidang fonetik, fonologi, semantik dan sebagainya. Namun kajian bahasa terbahagi kepada dua bahagian iaitu kajian bahasa Melanau dan kajian bahasa bukan Melanau.

2.1.1. Kajian Bahasa Melanau

Dalam kajian bahasa Melanau terdapat kajian Chou Shu Hsiu “Melanau and Indonesia : A Comparative Grammatical Study“ (1999) telah mengenal pasti persamaan dan perbezaan tatabahasa Melanau dan Indonesia-Melayu dari segi fonologi, morfofonemik, morfologi, klausa bebas dan klausa tidak bebas, kajian Salbia Hassan dan Dayang Sariah Abang Suhai (2007) pula menfokus kepada kata sapaan dan panggilan dalam masyarakat Melanau, iaitu satu kajian preliminari dengan mengenal pasti persamaan dan perbezaan kata panggilan dalam masyarakat Melanau dengan masyarakat Melayu. Kajian Rahim Aman, Norfazila Abdul Hamid dan Shahidi Abdul Hamid (2015) telah mengkaji dua kajian yang bertajuk ‘Rekonstruksi vokal dan diftong bahasa Melanau Purba dan Nomenclature varian Melanau Sarawak dari era kononial ke abad 20’ iaitu analisis kritis 100 tahun interaksi kebahasaan geneti, kajian .Norfazila (2016) dalam kajian awal inventori fonem vokal dan diftong varian

Melanau Oya dan kajian Norfazila Ab. Hamid dan Rahim Aman (2016) pula lebih berfokuskan dialek Melanau Mukah.

Dalam kajian Chou Shu Hsiu “Melanau and Indonesia : A Comparative Grammatical Study“ (1999) telah mengenal pasti persamaan dan perbezaan tatabahasa Melanau dan Indonesia-Melayu dari segi fonologi, morfofonemik, morfologi, klausa bebas dan klausa tidak bebas. Beliau telah menggunakan kaedah perbandingan dalam kajian ini untuk membandingkan tatabahasa Melanau dan Indonesia. Dalam kajian ini, beliau telah mendeskripsikan fonologi untuk memudahkan transkripsi dalam kajian ini. Seterusnya, beliau juga telah membandingkan morfofonemik dalam mengenal pasti golongan kata dalam kedua-dua bahasa tersebut. Akhir sekali, beliau membincangkan dan membandingkan klausa tidak bebas, klausa bebas dan morfologi bahasa Melanau dan Indonesia.

Kajian Salbia Hassan dan Dayang Sariah Abang Suhai (2007) pula menfokus kepada kata sapaan dan panggilan dalam masyarakat Melanau, iaitu satu kajian preliminari dengan mengenal pasti persamaan dan perbezaan kata panggilan dalam masyarakat Melanau dengan masyarakat Melayu. Kajian ini juga telah mengenal pasti pola-pola penggunaan kata ganti ataupun sapaan dalam masyarakat Melanau dan faktor yang mempengaruhi pola tersebut. Kajian ini telah menggunakan kaedah temu bual dan rakaman terhadap 12 informan. Hasil kajian ini menunjukkan wujudnya sistem sapaan masyarakat Melanau untuk kategori kekeluargaan asas iaitu susunan panggilan dalam keluarga dan kata panggilan bagi setiap pangkat. Selain itu, kata panggilan kekeluargaan pertalian perkahwinan dan panggilan umum dalam komuniti telah dikenal pasti dalam kajian tersebut.

Rahim Aman, Norfazila Abdul Hamid dan Shahidi Abdul Hamid (2015) telah mengkaji dua kajian yang bertajuk ‘Rekonstruksi vokal dan diftong bahasa Melanau Purba dan Nomenclature varian Melanau Sarawak dari era konolial ke abad 20’ iaitu analisis kritis

100 tahun interaksi kebahasaan genetik. Kajian rekonstruksi vokal dan diftong bahasa Melanau Purba ini telah menrekonstruksikan vokal dan diftong bahasa Melanau Purba dan menentukan kata kognat serta mencari perangkat kesepadanan. Kajian ini telah menggunakan kaedah perbandingan kualitatif. Hasil kajian ini telah menentukan BMLP bahasa Melanau Purba memiliki 5 fonem vokal dan 6 diftong. Kaedah perbandingan bahasa awal Melanau dengan bahasa akhir Melanau telah digunakan. Hasil kajian dirangkumi dalam linguistik sejarah iaitu interaksi kebahasaan genetik awal varian Melanau dan varaian Melanau 1950-an hingga 1970-an. Kajian ini menganalisis perspektif linguistik bandingan varian bahasa Melanau.

Menurut Norfazila (2016) dalam kajian awal inventori fonem vokal dan diftong varian Melanau Oya yang menyentuh aspek fonetik dan fonologi. Objektif kajian ini adalah untuk menilai dan menyusun semula aspek-aspek fonologi terutamanya dalam menentukan jumlah inventori fonem. Justeru, kajian ini bertujuan menyentuh aspek fonetik dan fonologi dengan cara mendeskripsikan sistem fonologi varian Melanau Oya dengan memaparkan penyebaran bunyi vokal dan diftong serta melihat keberadaan alternasi dalam varian Melanau Oya ini. Kajian ini telah menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan kajian lapangan iaitu senarai kata atau soal selidik, pemilihan kawasan serta batasan kajian. Kajian ini juga menggunakan pemaparan data dan analisis data yang berlandaskan pendekatan struktural. Hasil kajian membuktikan bahawa varian Melanau Oya mempunyai 6 fonem vokal iaitu /i, u, e, o, a/ dan memiliki empat diftong iaitu /-oj, -aw, -aj, -ej/.

Kajian Norfazila Ab. Hamid dan Rahim Aman (2016) pula lebih berfokuskan dialek Melanau Mukah. Pengkaji mendapati bahawa kajian ini hanya menyentuh aspek fonetik dan fonologi dengan cara mendeskripsikan sistem fonologi Melanau Mukah. Kaedah yang digunakan ialah dengan memaparkan penyebaran bunyi vokal dan diftong serta melihat

keberadaan alternasi dalam bahasa tersebut. Kajian ini juga telah menggunakan pendekatan struktural untuk mencapai objektif kajian yang telah dijalankan.

2.1.2. Kajian Bahasa Bukan Melanau

Noriah Mohamed dan Rohani Mohd. Yusof (2004) telah mengkaji tentang persamaan dan kemiripan bahasa dengan membuat perbandingan kosa kata dasar 10 bahasa Austronesia di Sarawak, iaitu antara bahasa Melayu, bahasa Selakau, bahasa Iban, Bahasa Bintulu, bahasa Melanau, bahasa Miriek, Bahasa Bidayuh, bahasa Lunbawang, bahasa Kiput dan bahasa Bukit. Artikel ini berfokus kepada hasil kajian terhadap satu proses linguistik yang disebut kaedah perbandingan yang dilaksanakan dalam disiplin ilmu yang disebut linguistik sejarah dan perbandingan. Fungsi linguistik perbandingan pula adalah untuk membuat perbandingan antara dua atau lebih daripada dua dialek atau bahasa. Aktiviti perbandingan bahasa yang melibatkan perbandingan kosa kata dasar disebut leksikostatistik. Leksikostatistik merujuk kepada kaedah yang digunakan untuk menentukan peratus kata bersanak dengan cara menghitung jumlah kognat. Kaedah ini dimulakan dengan meneliti kosa kata dasar kedua-dua bahasa yang akan dibandingkan dan menentukan kosa kata yang dapat digunakan atau yang perlu ditolak. Hasil perbandingan ini bukan sahaja dapat menunjukkan tingkat kekeluargaan antara bahasa, malah boleh dimanfaatkan untuk kaedah grotokronologi, yakni mengira usia bahasa bersanak dan tempoh waktu memencarkan bahasa sanak daripada bahasa induk yang meneliti, mengenal pasti dan membuat tipologi perubahan bahasa. Selain itu, pengkaji telah membuat pengelompokan bahasa dan memulihkan bentuk bahasa induk.

Reniwati (2012) dalam jurnal Bahasa Minangkabau dan Dialek Negeri Sembilan telah mengkaji satu tinjauan perbandingan linguistik historis komparatif telah dijalankan. Dialek Negeri Sembilan merupakan salah satu dialek bahasa Melayu. Asmah Hj. Omar (1985) meletakkan dialek ini bawah kelompok Sumatra, bukan bawah kelompok Semenanjung.

Lebih tepatnya, dialek ini diturunkan daripada bahasa induk yang sama dengan bahasa Minangkabau. Kosa kata dasar Swadesh menjadi instrumen penghitungan dalam kaedah leksikostatistik. Perbandingan kosa kata dasar Swadesh antara bahasa Minangkabau dengan bahasa Melayu sudah dilakukan Mohamed dan Reniwati (2010). Penulis akan membentangkan kembali hasil perbandingan itu untuk melihat tingkat hubungan kekerabatannya dengan isolek Negeri Sembilan. Lebih dekatnya dialek Negeri Sembilan dengan bahasa Melayu daripada bahasa Minangkabau boleh dipahami kerana ada hubungannya dengan faktor politik. Perbezaan bahasa Melayu dengan dialek Negeri Sembilan lebih dekat berbanding bahasa Minangkabau yang sangat berbeza.

2.2. Kajian Budaya

Kajian budaya Melanau merupakan kajian kepercayaan, perayaan dan keagamaan dalam masyarakat Melanau. Terdapat beberapa artikel yang mengkaji tentang budaya masyarakat Melanau seperti kajian Tengku Intan Sarina et al. (2014, Munirah Abdul Ghani dan Tengku Intan Zarina Tengku Puji (2014), Muhammad Nur Iman Ramadhan Masni, et al. (2014), Chong Shin (2015) dan Zackarnain Jarace (2016).

Tengku Intan Sarina et al. (2014) telah menghasilkan dua kajian iaitu kajian Analisa terhadap dan keistimewaan masyarakat Melanau di Sarawak dan kajian kepercayaan etnik Melanau dari sudut pandangan Islam. Kajian terhadap keistimewaan masyarakat Melanau di Sarawak ini menyentuh tentang adat kepercayaan masyarakat Melanau terhadap alam sekitar. Selain itu, perubahan tradisional dan pesta keramaian masyarakat Melanau juga turut disentuh dalam kajian mereka. Akhir sekali, mereka juga telah menyentuh keunikan sifat masyarakat Melanau.

Seterusnya dalam kajian Kepercayaan etnik Melanau dari sudut pandang Islam : Suatu analisa pula telah membincangkan tentang kepercayaan dan pegangan masyarakat Melanau

tentang asal usul makhluk, perubahan tradisional dan Pesta Kaul. Dalam kajian ini juga, mereka telah menjustifikasikan kesahan kepercayaan masyarakat Melanau dari sudut pandangan Islam berpandukan al-Quran dan kritis.

Kajian Munirah Abdul Ghani dan Tengku Intan Zarina Tengku Puji (2014) tentang ‘Persepsi masyarakat Melanau tradisional terhadap kosmologi: analisis terhadap beberapa surah Makkiyah’ telah menganalisis ayat-ayat Makkiyah yang membicarakan tentang alam yang menjadi sebahagian daripada kepercayaan dan pegangan dalam adat Melanau. Kajian ini juga telah membandingkan persepsi masyarakat Melanau tentang kepercayaan mereka terhadap alam dengan alam yang telah diceritakan dalam al-Quran iaitu dalam surah Makkiyah. Kajian ini juga boleh dikenali sebagai kajian perbandingan. Hal ini demikian kerana, kajian ini telah membuat perbandingan persepsi kepercayaan masyarakat Melanau dengan apa yang terkandung dalam al-Quran.

Kajian Muhammad Nur Iman Ramadhan Masni, et al. (2014) merupakan kajian tentang ‘Adat-adat perkahwinan kaum Melanau’. Penyelidik bagi kajian ini telah menggunakan kajian yang berbentuk kuantitatif dan telah menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data. Kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan pelajar-pelajar MRSM tentang adat perkahwinan masyarakat Melanau. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk meningkatkan minat masyarakat untuk mewarisi adat-adat kaum Melanau ketika melangsungkan majlis perkahwinan. Kajian ini juga adalah untuk memberikan lebih pengetahuan mengenai adat dan budaya perkahwinan kaum Melanau.

Seterusnya dalam kajian Chong Shin (2015) merupakan kajian yang berbentuk ‘Catatan dan deskripsi istilah-istilah yang berkaitan dengan sagu dalam masyarakat Melanau’ yang telah menggunakan teori sosial agama dari Max Weber. Dalam kajian ini, pengkaji telah mendokumentasikan dan juga turut menghuraikan istilah-istilah yang berkaitan dengan

aktiviti pembuatan sagu dalam kalangan suku Melanau. Kaedah yang digunakan untuk mendapat data-data ialah dengan menggunakan kaedah wawancara dan pemerhatian secara langsung. Hasil kajian telah mendapati bahawa terdapat banyak istilah-istilah persaguan tradisional yang tidak dikenali oleh masyarakat Melanau pada zaman sekarang disebabkan faktor perkembangan ekonomi. Istilah-istilah yang dijumpai terbahagi kepada 4 kategori, iaitu tumbuhan dan taksonominya, proses penuaian, aktiviti memproses dan produk makanannya, dan aspek etno-budaya yang berkaitan.

Zackarnain Jaraee (2016) juga telah membuat kajian berkenaan ‘Sejarah perkembangan Islam dalam masyarakat Melanau (Kajian Islamisasi di Mukah Sarawak 1963-2014)’. Kajian ini telah membincangkan tentang siapa yang berperanan dalam memperkembangkan Islam di Mukah, bagaimana perkembangan Islam setelah kemerdekaan dalam masyarakat Melanau Mukah dan turut menyentuh tentang organisasi-organisasi yang dibina setelah perkembangan Islam di Mukah. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah metod sejarah untuk mendeskripsikan peristiwa yang terjadi pada masa lampau. Beliau juga menggunakan pendekatan historis untuk mencari informasi tentang masa lampau menggunakan cara sistematis.

2.3. Rumusan

Berdasarkan tinjauan kajian yang telah dilakukan yang merangkumi kajian-kajian lepas mahupun dari segi linguistik Melanau dan bukan linguistik Melanau, terbukti bahawa perbandingan kosa kata dasar Melanau Rajang khususnya Kampung Jerijeh dan Mukah belum pernah dilakukan. Dalam masyarakat Melanau kajian tentang budaya dan bukan linguistik banyak dilakukan. Hanya terdapat kajian tentang perbandingan kosa kata dasar sepuluh bahasa Austronesia di Sarawak dengan dialek Minangkabau dan dialek Negeri Sembilan dari aspek kosa kata dasar tersebut.

BAB 3 : METODOLOGI

3.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Pengkaji akan menerangkan penelitian ini dengan terperinci dari segi reka bentuk kajian, instrumen kajian, pemilihan data, kriteria pemilihan data, kawasan kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Selain itu, batasan kajian akan diperjelaskan dalam bab ini.

3.1. Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data secara penyelidikan lapangan dan kajian kepustakaan dalam kajian lapangan informan menjadi sumber utama untuk mendapatkan data. Menurut Asmah Haji Omar (2008a: 60), kaedah sebegini amat sesuai untuk mendapatkan data asas sesuatu bahasa atau dialek yang baharu dikaji yang tiada data korpus sebelumnya. Tujuan penyelidikan lapangan adalah untuk mencatat dan menyenaraikan kosa kata dasar Melanau Rajang khususnya Kampung Jerijeh. Dengan menyenaraikan kosa kata tersebut, kajian ini akan lebih jelas dilakukan. Kajian kepustakaan juga digunakan oleh pengkaji bagi Melanau Mukah. Ini disebabkan Melanau Mukah sudah ada data didokumentasikan. Mengenalpasti persamaan, kemiripan dan perbezaan kosa kata dasar diantara kedua-dua Melanau tersebut, kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif digunakan. Menurut Chua (2006), pendekatan kualitatif adalah kaedah penyelidikan yang lebih kepada mengkaji sesuatu fenomena atau situasi dalam konteks sebenar (*natural setting*) atau semula jadi. Kesemua informan penutur jati kedua-dua kawasan itu dipilih yang berusia diantara 40 hingga 60 tahun. Kuantitatif adalah sebuah penilai yang dilakukan berdasarkan jumlah sesuatu. Penelitian kuantitatif yang menggunakan format struktur dan statistik.

3.2. Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan alat perakam suara yang terdapat dalam telefon mudah alih. Selain itu, pengkaji menggunakan buku cacatan dan kajian kepustakaan. Senarai kosa kata yang digunakan adalah berdasarkan senarai 100 kata dasar Swadesh (Samarin, 1967: 221). (Rujuk Lampiran)

3.3. Pemilhan Data

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih informan penutur jati dari kampung Jerijeh yang tinggal lebih 30 tahun dalam lingkungan umur 40 hingga 60 tahun. Bilangan informan dihadkan kepada dua orang, iaitu seorang informan lelaki dan seorang informan perempuan dalam lingkungan umur 40 tahun hingga 60 tahun. Untuk kajian kepustakaan data korpus Kamus Melanau Mukah - Melayu Dewan pada tahun 2011 digunakan untuk mendapat data berdasarkan 100 kosa kata dasar Swadesh.

3.4. Kriteria Pemilihan Informan

Kajian lapangan yang digunakan dalam kajian ini memerlukan informan untuk mendapatkan data kajian. Hal ini disebabkan informan amat penting dalam kajian ini. Informan bertugas sebagai pemaklum bahan bahasa yang dikaji (Asmah Haji Omar, 2008: 46). Berdasarkan Samarin (1967), pengumpulan data berdasarkan kaedah ini sebaik-baiknya diadakan di lapangan dan mempunyai informan dengan ciri-ciri yang sesuai dengan kajian yang dilaksanakan (Asmah Haji Omar, 2008: 60). Untuk mendapat maklumat yang tepat, maka informan yang dipilih perlulah sesuai dan baik dari segi penguasaan bahasa, keadaan organ pertuturan, umur, sikap terhadap pengkajian, pengetahuan tentang budaya komuniti, jantina, kelas sosial, kedudukan dalam komuniti, dan hubungan dengan ahli-ahli komuniti lainnya. Pemilihan informan antara usia 40 hingga 60 tahun adalah berdasarkan pendekatan Asmah (2001:48) dengan syarat keadaan organ pertuturan (organ artikulasi) masih

berkeadaan baik (jelas pertuturannya), kesihatan tubuh badan yang baik dan penguasaan bahasa iaitu keaslian bahasa yang benar-benar bahasa atau dialek yang dituturkan dalam komuniti berkenaan tanpa sebarang gangguan daripada bahasa atau dialek lain.

3.5. Kawasan Kajian

Kajian ini dilakukan dengan menfokuskan data lapangan dan data korpus di Mukah dan Kampung Jerijeh yang mewakili penutur melanau Rajang. Kampung Jerijeh terletak di bawah pentadbiran Daerah Belawai, Bahagian Mukah. Pemilihan kawasan kajian ini bukan atas sebab-sebab khusus, tetapi kawasan ini merupakan penutur asli Melanau Mukah dan dialek Melanau Rajang yang terdapat di Sarawak. Kampung Jerijeh terletak di bawah pentadbiran kecil Belawai manakala Belawai di bawah pentadbiran Daerah Tanjung Manis. Kampung Jerijeh terdapat tiga buah kampung iaitu Kampung Hulu Jerijeh, Kampung Hilir Jerijeh dan Kampung Baru Jerijeh (Majlis Adat, 2010). Bahagian Mukah terletak di wilayah tengah Sarawak dan sebahagian besar kawasannya menghadap Laut China Selatan. Kaum Melanau merupakan komposisi kaum majoriti di Bahagian Mukah. Bahagian Mukah mempunyai 5 daerah utama iaitu Mukah, Dalat, Matu, Daro dan Tanjung Manis dan 3 daerah kecil iaitu Balingian, Oya dan Igan. (Sumber Portal Web Rasmi Pentadbiran Bahagian Mukah, 2015)

3.6. Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kaedah pengumpulan data ini, pengkaji telah menggunakan kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Kajian lapangan ini digunakan untuk mendapat data Melanau Rajang di Kampung Jerijeh, manakala kajian kepustakaan iaitu korpus digunakan untuk mendapatkan data Melanau Mukah.

3.6.1. Kajian Lapangan

Kajian lapangan ini dilakukan untuk mendapatkan data Melanau Rajang. Dalam kajian lapangan ini, pengkaji telah menggunakan empat proses pengumpulan data iaitu menyediakan 100 kosa kata dasar Swadesh, mengenal pasti 2 orang informan kajian di Kampung Jerijeh, menjalankan temu bual berstruktur berdasarkan bahan kajian dan merakamkan data dan mencatat data daripada informan.

3.6.1.1. Menyediakan 100 kosa kata dasar Swadesh

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan senarai kata yang disediakan berdasarkan senarai 100 kata dasar Swadesh (Samarin, 1967: 221). Kosa kata Swadesh menjadi instrumen perhitungan dalam kaedah leksikostatistik. Senarai yang digunakan ialah senarai yang dicadangkan oleh Morris Swadesh yang mengandungi 100 patah perkataan dan penetapan itu ada hitungan statistiknya.

3.6.1.2. Mengenal pasti 2 orang informan kajian

Dalam kajian pengkaji ini, telah memilih informan penutur jati dari kampung Jerijeh yang tinggal lebih 30 tahun dalam lingkungan umur 40 hingga 60 tahun. Bilangan informan terdiri daripada dua orang, iaitu seorang informan lelaki dan seorang informan perempuan dalam lingkungan umur 40 hingga 60 tahun.

3.6.1.3. Menjalankan temu bual berstruktur berdasarkan bahan kajian

Pengkaji telah menjalankan temu bual dengan informan dari Kampung Jerijeh. Seramai dua orang informan iaitu seorang lelaki dan seorang perempuan telah digunakan untuk mendapat data kajian. Sebelum pengkaji mendapatkan data dari informan, pengkaji terlebih dahulu menyatakan tujuan kajian yang dilakukan supaya informan tidak ragu dan mahu bekerjasama dengan informan. Pengkaji terlebih dahulu meminta kebenaran untuk merakam perbualan mereka mendapatkan maklumat peribadi informan bagi mengukuhkan

lagi data dari informan. Selepas itu, pengkaji mengutip data daripada informan dengan menanyakan satu persatu 100 senarai kosa kata Swadesh.

3.6.1.4. Merakamkan data dan mencatat data daripada informan

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan alat perakam suara digital yang terdapat dalam telefon mudah alih. Pengkaji telah meminta izin dengan informan untuk merakam suara selain mencatat data di dalam buku catatan. Rakaman ini bertujuan untuk langkah berjaga-jaga sekiranya data yang dicatat hilang dan rakaman ini juga boleh mengukuhkan lagi kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Dalam masa yang sama, rakaman suara ini untuk menyemak semula senarai kosa kata Melanau Rajang khususnya Kampung Jerijeh tersebut. Rakaman pertuturan informan dilakukan dalam pelbagai situasi dan keadaan.

3.6.2. Kajian Kepustakaan

Dalam kajian kepustakaan ini, terdapat dua kaedah pengumpulan data iaitu menyediakan 100 kosa kata dasar Swadesh dan mengenal pasti atau mengeluarkan senarai 100 kosa kata dasar yang sama daripada data korpus kamus berdasarkan Swadesh.

3.6.2.1. Menyediakan 100 kosa kata dasar Swadesh

Pengkaji telah menyediakan 100 kosa kata dasar yang dicadangkan oleh Morris Swadesh (Samarin, 1967: 221) yang sama dengan kosa kata yang disediakan untuk kajian lapangan.

3.6.2.2. Mengenal pasti/ Mengeluarkan korpus yang sama daripada data senarai 100 kosa kata dasar

Pengkaji telah mengeluarkan 100 kosa kata Swadesh yang ada dalam Kamus Mukah-Melayu Dewan (2011) untuk membuat perbandingan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan data yang telah dikorpuskan.

3.7. Kaedah Analisis Data

Bagi kaedah analisis data kajian, terdapat empat kaedah penganalisan data iaitu mentranskripsi data lapangan, membandingkan kedua-dua bentuk data dari kajian lapangan dan kajian kepustakaan (korpus), mengira peratus kata yang berkognat menggunakan kaedah leksikostatistik dan menentukan tingkat kekerabatan Melanau Rajang dengan Melanau Mukah. Secara keseluruhannya, data yang diperolehi daripada kajian ini akan dianalisis melalui secara kualitatif dan kuantitatif.

3.7.1. Mentranskripsi data lapangan

Setelah pengkaji menjalankan temu bual informan, pengkaji mentranskripsi data yang dirakamkan dengan menggunakan kaedah fonemik berdasarkan hasil temubual data yang telah diperolehi. Pengkaji akan menyenaraikan data dalam jadual untuk memudahkan proses seterusnya iaitu membuat perbandingan.

3.7.2. Membandingkan kedua-dua bentuk data dari kajian lapangan dan kajian kepustakaan (korpus)

Dalam bahagian ini, pengkaji membandingkan kedua-dua data kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah. Senarai kosa kata dasar kedua-dua Melanau tersebut akan dibandingkan secara berpasangan dan setiap bahasa berpeluang dibandingkan dengan semua yang dipilih. Sewaktu perbandingan, kosa kata dasar yang digunakan dan yang perlu disisihkan akan ditentukan. Selepas kosa kata yang tidak perlu disisihkan maka pasangan kata berkognat antara kedua-dua dialek akan ditentukan. Pasangan kata berkognat bermaksud pasangan kata yang sama atau mirip dari segi bentuk dan makna. Pasangan kosa kata yang sama ialah pasangan yang menunjukkan kesamaan dari segi bentuk (fonem dan susunan fonem) dan makna secara 100%. Pasangan kosa kata yang mirip pula ialah kata-kata yang sama dari segi bentuk tetapi mirip dari segi bentuk dan makna dan sebagainya (Noriah &

Rohani, 2004). Fonem dalam bahasa yang berbeza boleh bersepadan menerusi banyak cara dan yang diambil kira dalam linguistik perbandingan ialah kesepadanan dari segi kedudukan fonem dalam fonemik.

3.7.3. Mengira peratus kata yang berkognat menggunakan kaedah leksikostatistik

Aktiviti perbandingan bahasa atau dialek yang melibatkan perbandingan kosa kata dasar disebut leksikostatistik. Leksikostatistik merujuk kepada kaedah yang digunakan untuk menentukan peratus kata bersanak dengan cara menghitung jumlah kata berkognat. Kaedah ini menggunakan kosa kata dasar sebagai asas menghitung. Kaedah ini dimulakan dengan meneliti kosa kata dasar kedua-dua bahasa yang akan dibandingkan dan menentukan kosa kata yang dapat digunakan atau yang perlu ditolak. Kosa kata yang harus ditolak. Kosa kata yang harus ditolak ialah kata pinjaman, kata kosong (ada dalam salah satu bahasa tetapi tiada dalam bahasa yang satu lagi) dan kata majmuk. Selain itu, kata terbitan dan imbuhan perlu disingkirkan dan hanya kata dasar digunakan. Setelah selesai ditolak semua kata yang tidak diperlukan baharulah ditetapkan jumlah kata yang boleh dibandingkan. Oleh itu, berdasarkan jumlah kata yang dibandingkan ini pasangan kata berkognat dapat dikenal pasti. Bahagian ini menunjukkan perbandingan kosa kata dasar kedua-dua Melanau iaitu Melanau Rajang dan Melanau Mukah.

3.7.4. Menentukan tingkat kekerabatan Melanau Rajang dengan Melanau Mukah

Berdasarkan tingkat kekerabatan dialek itu, tahap hubungan atau tingkat kekerabatan antara kedua-dua Melanau ditentukan berdasarkan tingkat kekerabatan yang dicadangkan oleh Gudschinsky (1964: 621). Perbandingan ini bertujuan menentukan sama ada kedua-dua Melanau ini adalah berstatus dialek atau berstatus bahasa daripada bahasa yang sama. Hal ini

bermakna pasangan kata yang dibandingkan dianggap sepadan sekiranya fonem/bunyi yang sama pada posisi yang sama. Pasangan kata bersepadan juga boleh memiliki fonem/bunyi yang mirip atau hampir sama tetapi dapat diterangkan bentuk kemiripan tersebut. Bagi menentukan kekerabatan antara dialek Melanau Rajang dan dialek Melanau Mukah adalah berstatus dialek, penentuan oleh peratusan kesamaan dan kemiripan bentuk dan makna mesti antara 81% hingga 100%.

Jadual 2 : Tingkat Kekerabatan Bahasa

Tingkat Kekerabatan	Abad Pisah	Peratus Kata Berkerabat
Bahasa	0-5	100-81
Keluarga	5-25	81-36
Rumpun	25-50	36-12
Mikrofilum	50-75	12-4
Mesofilum	75-100	4-1
Makrofilum	100 ke atas	Kurang daripada 1

Sumber : Gudschinsky, 1964:621

3.8. Batasan Kajian

Sebelum memulakan kajian, pengkaji telah menetapkan bahawa informan tersebut merupakan penutur jati Melanau Rajang dan telah tinggal di kawasan tersebut melebihi 30 tahun. Dalam kajian ini, pengkaji tidak boleh membawa unsur- unsur bahasa lain kerana takut akan mempengaruhi bahasa informan. Oleh itu, kajian ini hanya menfokuskan Melanau Rajang, khususnya Kampung Jerijeh dan Melanau Mukah melalui data korpus. Setelah menghadkan kajian kepada aspek- aspek tersebut, pengkaji percaya bahawa data diperoleh mereka adalah relevan dan sesuai dengan tajuk kajian untuk membuat perbandingan kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data lapangan, membandingkan 100 kosa kata dasar Swadesh dan menggunakan jumlah informan hanya 2 orang iaitu seorang informan lelaki dan seorang informan perempuan yang berumur dalam lingkungan 40 hingga 60 tahun.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Dapatan kajian ini menjelaskan hasil kajian yang telah dianalisis oleh pengkaji. Data dianalisis adalah untuk mengenal pasti persamaan, kemiripan dan perbezaan kosa kata dasar, menentukan kata-kata yang berkognat dan mengira peratus kognat dan menentukan status hubungan bahasa Melanau antara Melanau Rajang dan Melanau Mukah, sama ada berstatus dialek atau bahasa. Pengkaji telah menggunakan hasil temu bual untuk mendapatkan data daripada informan.

4.1. Mengenal pasti persamaan, kemiripan dan perbezaan kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah

Dalam kajian ini, pengkaji telah membuat perbandingan kosa kata dasar dalam bahasa Melanau iaitu dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah. Data kosa kata dasar untuk Melanau Rajang dikutip daripada informan yang menetap di Kampung Jerijeh manakala Melanau Mukah daripada data korpus Kamus Melanau Mukah. Kajian ini dianalisis dari aspek persamaan, kemiripan dan perbezaan kedua-dua dialek tersebut. Kosa kata dasar yang digunakan adalah berpandukan 100 kosa kata dasar Morris Swadesh (dalam Samarin, 1967: 221).

Senarai kosa kata dasar kedua-dua Melanau ini dibandingkan secara berpasangan iaitu dilihat secara serentak. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007:120) perbandingan ialah imbangan, perimbangan dan persamaan. Perbandingan ialah cara yang digunakan untuk membandingkan dua atau lebih daripada dua dialek. Dalam kajian ini, berdasarkan 100 kosa

kata dasar yang telah disenaraikan, terdapat 4 kosa kata dasar yang ditolak daripada pengiraan kaedah leksikostatistik. Hal ini disebabkan kosa kata tersebut merupakan kata majmuk dan kata yang berimbunan. Ini merupakan 4 senarai kosa kata dasar tersebut ialah :

Jadual 3 : Kosa Kata Dasar yang Tidak Ditolak

Bil	Melanau Rajang	Melanau Mukah
1.	/kulit kajaw/	/kulit kajow/
2.	/ulaw paʔaʔ/	/bukow/
3.	/təredaŋ/	/bəkədəŋ/
4.	/matahlaw/	/matalaw/

Berdasarkan kosa kata dasar di atas, ini merupakan kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah yang disisihkan. Sebagai contoh kosa kata dasar yang disenaraikan berpasangan adalah *kulit kayu*. Kosa kata dasar *kulit kayu* iaitu *kulit kayau* dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah disisihkan kerana ia merupakan kata majmuk iaitu mempunyai dua perkataan yang digabungkan menjadi satu istilah. Selain itu, hasil membandingkan ini kosa kata dasar *berdiri* iaitu *teredang* dalam Melanau Rajang dan *pekedeng* dalam Melanau Mukah juga disisihkan kerana kosa kata dasar tersebut menerima imbuhan iaitu imbuhan ‘teR-‘ dan ‘peR-‘ yang bermaksud ‘beR-‘.

4.1.1. Persamaan

Pasangan kosa kata dasar yang sama ialah pasangan yang menunjukkan kesamaan dari segi bentuk (fonem dan susunan fonem), sebutan atau bunyi dan makna seratus peratus. Setelah membuat perbandingan persamaan, pengkaji telah mendapati bahawa Melanau Rajang dan Melanau Mukah ada berkongsi kosa kata dasar yang sama. Berdasarkan 96 senarai kosa kata yang dibandingkan 15 kosa kata Melanau Rajang dan Melanau Mukah yang

mempunyai persamaan bentuk, bunyi sebutan dan makna seratus peratus). Kosa kata dasar tersebut adalah seperti dalam Jadual 2 di bawah :

Jadual 4 : Persamaan Kosa Kata Melanau Rajang dan Melanau Mukah

Bil	Melanau rajang	Melanau mukah
1.	/idaʔ/	/idaʔ/
2.	/lay/	/lay/
3.	/kulit/	/kulit/
4.	/ləmaʔ/	/ləmaʔ/
5.	/dʒəlaʔ/	/dʒəlaʔ/
6.	/susəw/	/susəw/
7.	/kəman/	/kəman/
8.	/taʔaw/	/taʔaw/
9.	/tuduy/	/tuduy/
10.	/bulan/	/bulan/
11.	/tanaʔ/	/tanaʔ/
12.	/apuy/	/apuy/
13.	/biləm/	/biləm/
14.	/lasuʔ/	/lasuʔ/
15.	/ŋadan/	/ŋadan/

Berdasarkan jadual 2 di atas, ini merupakan persamaan kosa kata dasar bagi Melanau Rajang dan Melanau Mukah. Kedua-dua Melanau ini mempunyai persamaan yang telah berkongsi menggunakan kosa kata dasar yang sama. Antaranya ialah kosa kata dasar *banyak*. Kosa kata dasar *banyak* dalam kedua-dua dialek Melanau adalah /idaʔ/ iaitu sama dari segi sebutan dan ejaan. Selain itu, kosa kata dasar *lelaki* iaitu /lay/ dalam kedua-dua dialek Melanau. Kedua-dua dialek ini telah berkongsi dan menggunakan kosa kata *lai* sama.

4.1.2. Kemiripan

Kemiripan ialah pasangan kosa kata dasar yang mirip dari segi makna, mirip dari segi bentuk, sebutan dan makna antara Melanau Rajang dan Melanau Mukah. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati 48 kosa kata dasar yang mempunyai kemiripan dan penutur kedua-dua

Melanau ini masih boleh faham antara satu sama lain. Senarai kosa kata dasar tersebut ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah :

Jadual 5 : Kemiripan kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah

Bil	Melanau Rajang	Melanau Mukah
1.	/kaw/	/akəw/
2.	/kan/ /kawən/	/kaʔaw/
3.	/təlaw/	/tələw/
4.	/jay/	/say/
5.	/inaw/	/inəw/
6.	/səmuwah/	/səmuwa/
7.	/duwah/	/duwa/
8.	/ajaŋ/	/pat/ /ajəŋ/
9.	/lalaw/	/aləw/
10.	/umeʔ/	/umit/
11.	/mərow/	/mahəw/
12.	/ikan/	/dʒekan/
13.	/manuʔ/	/manuwəʔ/
14.	/asaw/	/asəw/
15.	/kutaw/	/kutəw/
16.	/dawun/	/daʔun/
17.	/akay/	/akah/
18.	/seʔan/	/səy/
19.	/daraʔ/	/daaʔ/
20.	/tulaŋ/	/tuləyaŋ/
21.	/təluʔ/	/tələh/
22.	/tanduʔ/	/taduʔəʔ/
23.	/ikuy/	/ikew/
24.	/bulaw/	/bulow/
25.	/buʔuʔ/	/buʔəʔ/
26.	/ulaw/	/uləw/
27.	/liŋah/	/liŋa/
28.	/matah/	/mata/
29.	/udwuŋ/	/uduʔəŋ/
30.	/nipan/	/nipən/
31.	/gəraʔam/	/gaʔam/
32.	/dʒantun/	/dʒatuʔəŋ/
33.	/tutaŋ/	/tutəŋ/ /təŋen/
34.	/naʔah/	/taʔah/
35.	/bunuʔ/	/binuʔ/
36.	/turun/	/tuʔun/
37.	/pataŋ/	/pateyaŋ/
38.	/kuduʔ/	/kudəʔ/
39.	/bintaŋ/	/biteyaŋ/

40.	/udʒan/	/hudʒan/
41.	/abaw/	/dabow/
42.	/gunuwuŋ/	/gunuwɔŋ/
43.	/saʔ/	/seyaʔ/
44.	/gadoŋ/	/gaduwɔŋ/
45.	/kunin/	/kuniyɔŋ/
46.	/malam/	/maləm/
47.	/buloŋ/	/bulət//butəx/
48.	/muwaŋ/	/weyaŋ/

Kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah banyak mempunyai kemiripan, antaranya ialah kosa kata dasar /umeʔ/ dengan /umit/ dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah menunjukkan kemiripan yang dimaksudkan. Kosa kata dasar tersebut mempunyai kemiripan dari bentuk tetapi sama dari segi makna. Selain itu, kosa kata dasar /saʔ/ dengan /seyaʔ/ dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah dan kosa kata dasar *muang* dengan *weang* dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah.

Berdasarkan jadual 3 di atas, pasangan kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah mempunyai fonem atau bunyi yang mirip atau hampir sama yang berlaku secara berulang-ulang atau secara tetap. Pola-pola kemiripan tersebut dapat ditunjukkan dalam paparan data yang berikut :

4.1.2.1. Perubahan Pola Fonem /a/ ke Fonem /o/

Dalam kemiripan kosa kata dasar terdapat 9 kosa kata dasar yang mengalami perubahan pola fonem /a/ dalam Melanau Rajang ke fonem /o/ dalam Melanau Mukah.

Jadual 6 : Perubahan Pola Fonem /a/ ke Fonem /o/

Bil	Melanau Rajang	Melanau Mukah
1.	Kan	Akou
2.	Telau	Telou
3.	Inau	Inou
4.	Lalau	Alou

5.	Asau	Asou
6.	Kutau	Kutou
7.	Bulau	Bulou
8.	Ulau	Alou
9.	Abau	Dabou

Berdasarkan jadual 4 di atas, dapat disimpulkan bahawa jika fonem /a/ muncul dalam Melanau Rajang maka di kedudukan fonem tersebut dalam Melanau Mukah akan muncul fonem /o/. Perubahan ini didapati berlaku secara berulang-ulang dan secara tetap dalam kosa kata dasar yang memiliki susunan fonem yang sama. Sebagai contoh, kosa kata dasar *kan* dengan *akou* dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah. Selain itu, kosa kata dasar *telau* dengan *telou* dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah dan kosa kata dasar *inau* dengan *inou* dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah.

4.1.2.2. Perubahan Pola Fonem /u/ ke Fonem /uo/

Dalam kemiripan kosa kata dasar terdapat 6 kosa kata dasar yang mengalami perubahan pola fonem /u/ dalam Melanau Rajang ke fonem /uo/ dalam Melanau Mukah.

Jadual 7 : Perubahan Pola Fonem /u/ ke Fonem /uo/

Bil	Melanau Rajang	Melanau Mukah
1.	/manu?/	Manuok
2.	Buuk	Buok
3.	Udung	Uduong
4.	Jantung	Jatuong
5.	Gunuung	Gunuong
6.	Tanduk	Taduok

Berdasarkan jadual 5 di atas, dapat disimpulkan bahawa jika fonem /u/ muncul dalam Melanau Rajang maka di kedudukan fonem tersebut dalam Melanau Mukah akan muncul fonem /uo/. Perubahan ini didapati berlaku secara berulang-ulang dan secara tetap dalam kosa kata dasar yang memiliki susunan fonem yang sama. Sebagai contoh, kosa kata dasar *manuk*

dengan *manuok* dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah. Selain itu, kosa kata dasar *buuk* dengan *buok* dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah dan kosa kata dasar *udung* dengan *uduong* dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah.

4.1.2.3. Perubahan Pola Fonem /a/ ke Fonem /ea/

Dalam kemiripan kosa kata dasar terdapat 5 kosa kata dasar yang mengalami perubahan pola fonem /a/ dalam Melanau Rajang ke fonem /ea/ dalam Melanau Mukah.

Jadual 8 : Perubahan Pola Fonem /a/ ke Fonem /ea/

Bil	Melanau Rajang	Melanau Mukah
1.	Tulang	Tuleang
2.	Patang	Pateang
3.	Bintang	Biteang
4.	Sak	Seak
5.	Muang	Weang

Berdasarkan jadual 6 di atas, dapat disimpulkan bahawa jika fonem /a/ muncul dalam Melanau Rajang maka di kedudukan fonem tersebut dalam Melanau Mukah akan muncul fonem /ea/. Perubahan ini didapati berlaku secara berulang-ulang dan secara tetap dalam kosa kata dasar yang memiliki susunan fonem yang sama. Sebagai contoh, kosa kata dasar *tulang* dengan *tuleang* dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah. Selain itu, kosa kata dasar *patang* dengan *pateang* dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah dan kosa kata dasar *bintang* dengan *biteang* dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah.

4.1.2.4. Perubahan Pola Fonem /a/ ke Fonem /ə/

Dalam kemiripan kosa kata dasar terdapat 3 kosa kata dasar yang mengalami perubahan pola fonem /a/ dalam Melanau Rajang ke fonem /ə/ dalam Melanau Mukah.

Jadual 9 : Perubahan Pola Fonem /a/ ke Fonem /ə/

Bil	Melanau Rajang	Melanau Mukah
1.	Nyipan	Nyipen
2.	Malam	Malem
3.	Tutang	Tuteng

Berdasarkan jadual 7 di atas, dapat disimpulkan bahawa jika fonem /a/ muncul dalam Melanau Rajang maka di kedudukan fonem tersebut dalam Melanau Mukah akan muncul fonem /ə/. Perubahan ini didapati berlaku secara berulang-ulang dan secara tetap dalam kosa kata dasar yang memiliki susunan fonem yang sama. Sebagai contoh, kosa kata dasar *nyipan* dengan *nyipen* dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah. Selain itu, kosa kata dasar *malam* dengan *malem* dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah dan kosa kata dasar *tutang* dengan *tuteng* dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah.

4.1.2.5. Pola Pengguguran Fonem Akhir Konsonan /h/ ke fonem terbuka vokal /a/

Dalam kemiripan kosa kata dasar terdapat 4 kosa kata dasar yang mengalami pengguguran fonem /h/ dalam Melanau Rajang ke fonem vokal /a/ dalam Melanau Mukah.

Jadual 10 : Pola Pengguguran Fonem Akhir Konsonan /h/ ke Fonem Terbuka Vokal /a/

Bil	Melanau Rajang	Melanau Mukah
1.	Semuah	Semua
2.	Duah	Dua
3.	Matah	Mata
4.	Lingah	Linga

Berdasarkan jadual 8 di atas, dapat disimpulkan bahawa jika fonem akhir konsonan /h/ mengalami pengguguran dalam Melanau Rajang maka di kedudukan fonem tersebut dalam Melanau Mukah akan muncul fonem terbuka vokal /a/. Perubahan ini didapati berlaku secara

berulang-ulang dan secara tetap dalam kosa kata dasar yang memiliki susunan fonem yang sama. Sebagai contoh, kosa kata dasar *semuah* dengan *semua* dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah. Selain itu, kosa kata dasar *duah* dengan *dua* dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah dan kosa kata dasar *matah* dengan *mata* dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah.

4.1.3. Perbezaan

Selain itu, Melanau Rajang dan Melanau Mukah mempunyai 33 kosa kata dasar yang mempunyai perbezaan. Penutur kedua-dua Melanau ini yang menggunakan kosa kata dasar tersebut tidak memahami satu sama lain ketika berkomunikasi. Hal ini disebabkan perbezaan dari segi bentuk ejaan dan sebutan sangat ketara. Contoh kosa kata dasar boleh dirujuk dalam jadual di bawah :

Jadual 11 : Perbezaan Kosa Kata Melanau Rajang dan Melanau Mukah

Bil	MELANAU RAJANG	MELANAU MUKAH
1.	/ih/	/itow/
2.	/idun/	/jən/
3.	/may/	/da/
4.	/dʒaʔoŋ/	/satu/
5.	/tənanaw/	/apah/
6.	/daʔan/	/kajow/
7.	/bəras/	/alaʔ/
8.	/baʔ/	/mudʒun/
9.	/bəraŋaw/	/tudʒəʔ/
10.	/bətis/	/buduwəʔ/
11.	/agam/	/paʔa/
12.	/naʔi/	/paʔit/
13.	/atay/	/nasəŋ/
14.	/gugat/	/sibut/
15.	/dudiyəŋ/	/guy/
16.	/kəbas/	/matay/
17.	/tiliyəŋ/	/pəsiliŋ/
18.	/sibal/	/makaw/
19.	/labeʔ/	/tapaʔ/
20.	/mubeʔ/	/dʒuwah/

21.	/pubaʔ/	/dəŋah/
22.	/anum/	/ŋaʔəm/
23.	/sanaw/	/batəw/
24.	/paser/	/nay/
25.	/laŋit/	/awan/
26.	/anus/	/tugun/
27.	/sidəʔ/	/suləg/
28.	/aruh/	/dʒalan/
29.	/puteʔ/	/apuʔ/
30.	/sədʒuʔ/	/siŋuwəh/
31.	/pənuʔ/	/pul/
32.	/dʒakin/	/baʔow/
33.	/daʔaw/	/diyaʔ/

Berdasarkan jadual diatas, menunjukkan perbezaan Melanau Rajang dengan Melanau Mukah. Perbezaan ini seratus peratus dari segi ejaan dan sebutan. Sebagai contoh kosa kata dasar *sejuk* dalam Melanau Rajang adalah *sejuk* manakala dalam Melanau Mukah adalah *singuoh*. Selain itu, bagi kosa kata dasar *penuh* dalam Melanau Rajang adalah *penuk* manakala dalam Melanau Mukah adalah *pul*. Perbezaan yang sangat ketara ini menyebabkan penutur yang menggunakan kosa kata dasar dialek Melanau Rajang dan Melanau Mukah tidak faham antara satu sama lain.

4.2. Menentukan kata-kata yang berkognat dan mengira peratus kognat antara Melanau Rajang dengan Melanau Mukah

Bahagian ini memaparkan perbandingan kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah untuk menentukan taraf kognat antara kosa kata dasar yang dibandingkan, menghitung jumlah kata berkognat dengan cara membahagikan jumlah kata berkognat dengan jumlah kata yang dibandingkan iaitu jumlah kosa kata dasar selepas ditolak kosa kata dasar yang tidak diperlukan :

Jadual 12 : Perbandingan kosa kata dasar Melanau Rajang dengan Melanau Mukah

BIL	MELANAU RAJANG	MELANAU MUKAH	KOGNAT (+/-)
1.	/kaw/	/akow/	+
2.	/kan/ /kawən/	/kaʔaw/	+
3.	/təlaw/	/təlow/	+
4.	/ih/	/itow/	-
5.	/idun/	/jən/	-
6.	/jay/	/say/	+
7.	/inaw/	/inow/	+
8.	/may/	/da/	-
9.	/səmuwah/	/səmuwa/	+
10.	/idaʔ/	/idaʔ/	+
11.	/dʒaʔoŋ/	/satu/	-
12.	/duwah/	/duwa/	+
13.	/ajaŋ/	/nat/ /ajəŋ/	+
14.	/lalaw/	/alow/	+
15.	/umeʔ/	/umit/	+
16.	/mərow/	/mahow/	+
17.	/lay/	/lay/	+
18.	/tənawan/	/apah/	-
19.	/ikan/	/dʒekan/	+
20.	/manuʔ/	/manuwəʔ/	+
21.	/asaw/	/asow/	+
22.	/kutaw/	/kutow/	+
23.	/daʔan/	/kajow/	-
24.	/bəras/	/alaʔ/	-
25.	/dawun/	/daʔun/	+
26.	/akay/	/akah/	+
27.	/kulit/	/kulit/	+
28.	/kulit kajaw/	/kulit kajow/	Ditolak

29.	/seʔan/	/səy/	+
30.	/daraʔ/	/daaʔ/	+
31.	/tulaŋ/	/tuləyaŋ/	+
32.	/ləmaʔ/	/ləmaʔ/	+
33.	/təluɣ/	/təlɔh/	+
34.	/tanduʔ/	/taduwaʔ/	+
35.	/ikuy/	/ikew/	+
36.	/bulaw/	/bulow/	+
37.	/buʔuʔ/	/buwaʔ/	+
38.	/ulaw/	/ulow/	+
39.	/liŋah/	/liŋa/	+
40.	/matah/	/mata/	+
41.	/udwuŋ/	/uduwaŋ/	+
42.	/baʔ/	/mudʒun/	-
43.	/ŋipan/	/ŋipən/	+
44.	/dʒəlaʔ/	/dʒəlaʔ/	+
45.	/bəraŋaw/	/tudʒəʔ/	-
46.	/bətis/	/buduwaʔ/	-
47.	/ulaw paʔaʔ/	/bukow/	Ditolak
48.	/agam/	/paʔa/	-
49.	/naʔi/	/paʔit/	-
50.	/gəraʔam/	/gaʔam/	+
51.	/susow/	/susow/	+
52.	/dʒantun/	/dʒatuwaŋ/	+
53.	/atay/	/nasəŋ/	-
54.	/tutaŋ/	/tutəŋ/ /təŋen/	+
55.	/kəman/	/kəman/	+
56.	/gugat/	/sibut/	-
57.	/dudiyəŋ/	/guy/	-
58.	/naʔah/	/taʔah/	+
59.	/taʔaw/	/taʔaw/	+
60.	/tuduɣ/	/tuduɣ/	+
61.	/kəbas/	/matay/	-
62.	/bunuʔ/	/binuʔ/	+
63.	/turun/	/tuʔun/	+
64.	/tiliyəŋ/	/pəsiliŋ/	-
65.	/sibal/	/makaw/	-
66.	/labeʔ/	/tapaʔ/	-
67.	/pataŋ/	/pateyaŋ/	+
68.	/kuduʔ/	/kudəʔ/	+
69.	/tərədaŋ/	/bəkədəŋ/	Ditolak
70.	/mubeʔ/	/dʒuwah/	-
71.	/pubaʔ/	/dəŋah/	-
72.	/matahlaw/	/matalaw/	Ditolak
73.	/bulan/	/bulan/	+
74.	/bintaŋ/	/biteyaŋ/	+

75.	/anum/	/naʔəm/	-
76.	/udʒan/	/hudʒan/	+
77.	/sanaw/	/batəw/	-
78.	/paser/	/nay/	-
79.	/tanaʔ/	/tanaʔ/	+
80.	/laŋit/	/awan/	-
81.	/anus/	/tugun/	-
82.	/apuy/	/apuy/	+
83.	/abaw/	/dabow/	+
84.	/sidəʔ/	/suləg/	-
85.	/aruh/	/dʒalan/	-
86.	/gunuwəŋ/	/gunuwəŋ/	+
87.	/saʔ/	/seyaʔ/	+
88.	/gadəŋ/	/gaduwəŋ/	+
89.	/kunin/	/kuniyəŋ/	+
90.	/puteʔ/	/apuʔ/	-
91.	/biləm/	/biləm/	+
92.	/malam/	/maləm/	+
93.	/lasuʔ/	/lasuʔ/	+
94.	/sədʒuʔ/	/siŋuwəh/	-
95.	/pənuʔ/	/pul/	-
96.	/dʒakin/	/baʔow/	-
97.	/daʔaw/	/diyaʔ/	-
98.	/buləŋ/	/bulət/ /butəʔ/	+
99.	/muwəŋ/	/weyəŋ/	+
100.	/ŋadan/	/ŋadan/	+

4.2.1. Analisis Kognat

Berdasarkan senarai 100 kosa kata dasar Swedesh analisis yang dapat dibuat ialah :

- Jumlah perkataan : 100
- Pasangan Kognat : 63 (tandakan +)
- Pasangan bukan kognat : 33 (tandakan -)
- Perkataan ditolak : 4

Ini merupakan senarai 100 kosa kata dasar yang berpandukan Swadwsh. Hasil analisis, sebanyak 63 kosa kata dasar yang berkognat manakala 33 kosa kata dasar tidak

berkognat. Perkataan ditolak pula ialah sebanyak 4 kosa kata dasar. Untuk mengira peratus kognat antara Melanau Rajang dan Melanau Mukah jumlah kosa kata dasar berkognat akan dibahagikan dengan jumlah kata yang dibandingkan, iaitu jumlah kata selepas ditolak kosa kata dasar yang disisih atau tidak diperlukan. Oleh itu, leksikostatistik pengiraan kata berkognat dan bukan berkognat adalah seperti yang berikut :

1) Kata berkognat (+)

$$(63 / 96) \times 100\% = 65.63 \%$$

2) Kata bukan berkognat (-)

$$(33 / 96) \times 100\% = 34.37 \%$$

Jadual 13 : Jumlah Kata Berkognat & Bukan Berkognat

Kata berkognat	Bukan berkognat
65.63 %	34.37 %

Berdasarkan perangkaan di atas, peratusan kata berkognat Melanau Rajang dan Melanau Mukah ialah 65.63 % manakala perkataan bukan berkognat bagi kedua-dua bahasa tersebut ialah 34.37 %.

4.3. Menentukan status hubungan bahasa Melanau antara Melanau Rajang dan Melanau Mukah, sama ada berstatus dialek atau bahasa

Berdasarkan tingkat kekerabatan itu, tahap hubungan atau tingkat kekerabatan antara kedua-dua dialek Melanau ditentukan berdasarkan tingkat kekerabatan yang dicadangkan oleh Gudschinsky (1964: 621). Dalam kajian Noriah & Hamidah (2004), jadual yang dicadangkan oleh Gudschinsky juga telah digunakan untuk menentukan tingkat kekerabatan antara 4 bahasa bidayuh dengan bahasa Melayu. Justeru, untuk menentukan tingkat hubungan kedua-dua dialek Melanau ini, yang sama ada tingkat dialek atau bahasa, justeru jadual tingkat kekerabatan yang dibawah akan digunakan:

Jadual 14 : Tingkat Kekerabatan Bahasa

Tingkat Kekerabatan	Abad Pisah	Peratus Kata Berkerabat
Bahasa	0-5	100-81
Keluarga	5-25	81-36
Rumpun	25-50	36-12
Mikrofilum	50-75	12-4
Mesofilum	75-100	4-1
Makrofilum	100 ke atas	Kurang daripada 1

Sumber : Gudschinsky, 1964: 621

Hasil analisis yang dibuat yang berdasarkan jadual yang dicadangkan oleh Gudschinsky (1964: 621) diatas menunjukkan bahawa kedua-dua dialek Melanau iaitu Melanau Rajang dan Melanau Mukah adalah berstatus keluarga bahasa yang sama. Hal ini disebabkan kedua-dua dialek itu terletak diantara 81% sehingga 36% kata berkerabat iaitu 60%. Peratus kata berkognat berdasarkan 96 kosa kata dasar ialah 65.63 %. Perbandingan ini sekaligus membuktikan bahawa kedua-dua Melanau keluarga bahasa yang sama daripada bahasa yang sama kerana banyak persamaan dan kemiripan kosa kata dasar yang dipilih.

4.4. Perbincangan Kajian

Berdasarkan hasil kajian, pengkaji telah mengisi kelompangan kajian dengan membuat perbandingan kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah. Kajian tentang perbandingan kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah belum lagi dilakukan. Berdasarkan kajian Noriah dan Rohani (2004) dalam kajian persamaan dan kemiripan bahasa : perbandingan kosa kata dasar 10 Bahasa Austronesia di Sarawak, bahasa Melanau yang digunakan adalah umum dan tidak dinyatakan tempat secara khusus. Hasil kajian pengkaji dalam objektif ketiga telah menunjukkan bahawa Melanau Rajang dan Melanau Mukah adalah bahasa dan berbeza bahasa mengikut dialek seperti kajian yang telah dilakukan oleh Noriah dan Hamidah (2004) iaitu tingkat kekerabatan bahasa Bidayuh di Sarawak yang menentukan Bidayuh adalah bahasa ataupun dialek. Kajian ini juga menggunakan kaedah leksikostatistik seperti dalam kajian Reniwati (2010) iaitu tingkat hubungan kekerabatan dengan isolek Negeri Sembilan.

Mengikut Clayre (1972), Melanau dikelompokkan kepada dua bahagian iaitu variasi selatan dan variasi tengah. Namun mengikut Yassir Abdul Rahman (1987) pula, Melanau dikelompokkan kedua variasi iaitu variasi pertama di lembah Rajang dan variasi kedua di Mukah. Kenyataan yang dinyatakan oleh Clayre dan Yasir tidak dapat menjawab persoalan pengkaji dalam objektif ketiga dalam kajian. Hal ini disebabkan Clayre dan Yasir hanya mengelompokkan mengikut variasi dan bukan bahasa ataupun dialek. Justeru, hasil tinjauan awal pengkaji telah membuat pengiraan kaedah leksikostatik untuk menentukan dialek atau bahasa. Dalam kajian terdahulu, focus kajian kebanyakan dilakukan di kawasan tengah terutamanya di Mukah dan kawasan yang Melanau yang lain seperti kajian Norfazila (2016) yang mengenal pasti awal inventori fonem vokal dan diftong varian Melanau Oya. Kajian di kawasan Melanau Kampung Jerijih belum lagi dilakukan.

Selain itu, kajian dalam aspek bahasa bagi Melanau Rajang juga belum dilakukan terutamanya dalam berbanding bahasa Melanau. Namun kajian tentang Melanau Mukah ada tetapi masih kurang dilakukan bahkan ada Kamus Melanau Mukah – Melayu Dewan (2007) ada didokumentasikan. Kajian terdahulu Melanau Mukah lebih berfokuskan tentang budaya seperti kajian Chong Shin (2015) iaitu mencatat dan deskripsi istilah-istilah yang berkaitan dengan sagu dalam masyarakat Melanau di Mukah.

4.5. Rumusan

Dalam kajian ini, mendapati bahawa terdapat persamaan, kemiripan dan perbezaan Melanau Rajang dengan Melanau Mukah. Terdapat 15 kosa kata dasar yang mempunyai persamaan seratus peratus dari segi bentuk (fonem dan susunan fonem), sebutan atau bunyi dan makna seratus peratus (Noriah & Hamidah, 2004). Di samping itu, Melanau Rajang dengan Melanau Mukah banyak mempunyai kemiripan iaitu sebanyak 48 kosa kata dasar. Dalam kemiripan kosa kata dasar tersebut, terdapat 5 perubahan pola pasangan kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah mempunyai fonem atau bunyi yang mirip atau hampir sama yang berlaku secara berulang-ulang atau secara tetap.

Antaranya ialah perubahan Pola Fonem /a/ ke Fonem /o/, perubahan Pola Fonem /u/ ke Fonem /uo/, perubahan Pola Fonem /a/ ke Fonem /ea/, perubahan Pola Fonem /a/ ke Fonem /ə/ dan pola Pengguguran Fonem Akhir Konsonan /h/ ke fonem terbuka vokal /a/. Dalam perbandingan telah dibuat oleh pengkaji terdapat 33 kosa kata dasar antara Melanau Rajang dan Melanau Mukah yang mempunyai perbezaan. Dalam perbandingan ini kata-kata yang berkognat dan mengira peratus kognat antara Melanau Rajang dan Melanau Mukah yang ditentukan. Hasil pengiraan tersebut, didapati peratus kata berkognat antara Melanau Rajang dan Melanau Mukah, hanya 65.63 %.

Hal ini menunjukkan bahawa kedua-dua Melanau Rajang dan Melanau Mukah adalah bertaraf dalam keluarga bahasa yang sama, iaitu berada antara 36% - 81% kedudukannya dalam jadual yang dicadangkan oleh Gudschinsky (1964: 621). Oleh itu, hasil analisis dengan membuat perbandingan kosa kata dasar antara Melanau Rajang (khususnya kampung Jerijeh) dengan korpus Melanau Mukah (Kamus Melanau Mukah – Melayu Dewan). Kedua-dua kelompok Melanau ini memahami antara satu sama lain kerana berstatus keluarga bahasa yang sama iaitu dialek. Dapat membuktikan bahawa Bahasa Melanau yang dituturkan di Sarawak adalah berbeza mengikut tempat.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji telah membuat rumusan secara keseluruhan dan perbincangan dapatan kajian. Selain itu, pengkaji telah mengisi kelompangan kajian daripada kajian lepas. Di samping itu, implikasi kajian yang wujud dalam kajian ini serta cadangan kajian untuk masa akan datang juga turut dibincangkan di dalam bab ini.

5.1. Rumusan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini merupakan kajian tinjauan awal untuk menghuraikan aspek morfologi bahasa Melanau antara Melanau Rajang dan Melanau Mukah. Justeru pengkaji telah menemu bual 2 orang informan yang terdiri daripada seorang lelaki dan perempuan dari Kampung Jerijih. Hal ini pernah disebut oleh Asmah (2001:54) bahawa penghuraian ringkas tentang fonologi, morfologi atau sintaksis sesuatu bahasa itu boleh menggunakan seorang informan dan huraian sebegini dianggap sebagai huraian awal sahaja. Dalam menganalisis kajian juga, pengkaji telah menggunakan 100 kosa kata dasar Swadesh, teori deksriptif dan kerangka kajian ini adalah sama dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Noriah dan Rohani (2004) yang membandingkan kosa kata dasar 10 bahasa Austronesia.

Berdasarkan objektif pertama iaitu mengenal pasti persamaan, kemiripan dan perbezaan kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah. Pengkaji telah mengenal pasti 4 kosa kata dasar yang ditolak iaitu kata berimbunan dan kata majmuk. Dalam hasil kajian, pengkaji mendapati Melanau Rajang dan Melanau Mukah mempunyai 15 persamaan kosa kata dasar. Persamaan kosa kata dasar ini membolehkan penutur kedua-dua Melanau ini faham antara satu sama lain ketika berkomunikasi. Hasil kajian juga mendapati banyak kosa

kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah yang mempunyai kemiripan iaitu 48 kosa kata dasar. Di samping itu, ada kosa kata dasar yang mempunyai kemiripan berlaku secara berulang-ulang atau secara tetap berdasarkan senarai 100 kosa kata Swadesh.

Antara 5 kemiripan perubahan pola yang dapat dibandingkan antara Melanau Rajang dan Melanau Mukah adalah perubahan pola fonem /a/ ke fonem /o/, perubahan pola fonem /u/ ke fonem /uo/, perubahan pola fonem /a/ ke fonem /ea/, perubahan pola fonem /a/ ke fonem /ə/ dan pola pengguguran fonem akhir konsonan /h/ ke fonem terbuka vokal /a/. Selain itu, pengkaji juga telah mengenal pasti ada 33 perbezaan kosa kata dasar dalam Melanau Rajang dan Melanau Mukah berdasarkan senarai 100 kosa kata dasar Swadesh. Perbezaan kosa kata ini telah membuat penutur menggunakan dialek Melayu Sarawak ketika berkomunikasi antara mereka.

Dalam objektif kedua, pengkaji telah menentukan kata-kata yang berkognat dan mengira peratus kognat antara Melanau Rajang dan Melanau Mukah. Dalam menentukan kata-kata berkognat, pengkaji terlebih dahulu menyusun kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah secara berpasangan berdasarkan 100 kosa kata dasar Swadesh. Selepas itu, pengkaji telah mengenal pasti kosa kata dasar yang ditolak dan dalam masa yang sama pengkaji juga telah mengenal pasti persamaan, kemiripan dan perbezaan. Kosa kata yang mempunyai persamaan dan kemiripan ditandai dengan symbol “+” dan kosa yang mempunyai perbezaan ditandai dengan symbol “-“. Hasil analisis yang telah menggunakan kaedah leksikostatik, pengkaji mendapati kata yang berkognat antara Melanau Rajang dan Melanau Mukah lebih tinggi peratusan berbanding kata yang berkognat.

Hasil dapatan kajian objektif kedua berkaitan rapat dengan objektif ketiga. Hal ini disebabkan peratusan kata berkognat kedu-dua Melanau yang berdasarkan jadual yang dicadangkan oleh Gudschinsky (1964: 621) menunjukkan bahawa kedua-dua dialek Melanau

iaitu Melanau Rajang dan Melanau Mukah adalah berstatus keluarga bahasa yang sama. Kedua-dua dialek itu terletak diantara 81% sehingga 36% kata berkerabat iaitu 60%. Peratus kata berkognat berdasarkan 96 kosa kata dasar ialah 65.63 %. Perbandingan ini sekaligus membuktikan bahawa kedua-dua dialek sama daripada bahasa yang sama kerana banyak persamaan dan kemiripan kosa kata dasar yang dipilih.

5.2. Implikasi Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, terdapat beberapa implikasi kajian untuk menentukan persamaan dan kemiripan Bahasa Melanau yang membuat perbandingan kosa kata dasar Melanau Rajang khususnya Kampung Jerijeh dan Melanau Mukah. Perbezaan kosa kata dasar ini disebabkan oleh faktor geografi dan pemindahan. Pengkaji telah memilih Melanau Rajang iaitu Kampung Jerijeh kerana kajian di kawasan tersebut belum pernah dilakukan. Diharapkan tinjauan yang akan datang boleh diteruskan di kawasan lain Melanau Rajang.

Selain itu, kajian ini boleh memberi implikasi kajian tentang Melanau di Sarawak secara langsung mengenal pasti persamaan, kemiripan dan perbezaan antara bahasa yang mengikut kawasan. Tinjauan awal pengkaji yang hanya menggunakan 100 kosa kata dasar Swadesh dan diharapkan kajian akan datang iaitu membuat perbandingan antara Melanau boleh dilakukan dengan menggunakan lebih banyak kosa kata dasar Swadesh. Bahasa Melanau ini mempunyai keunikan dan kajian tentang bahasa Melanau ini seharusnya banyak dilakukan atau dijalankan. Persoalan yang timbul adakah orang Melanau Rajang khususnya Kampung Jerijeh faham kosa kata yang digunakan orang Melanau Kampung Jerijeh ketika dalam perbualan telah dapat dijawab oleh pengkaji dalam objektif ketiga iaitu Melanau adalah keluarga bahasa yang menentukan kata-kata yang berkognat dan mengira peratus kognat

antara kedua-dua Melanau tersebut. Selain itu,. dalam masa yang sama pengkaji dapat menambahkan ilmu kajian lingusitik Melanau.

5.3. Cadangan Kajian

Berdasarkan tinjauan kajian lepas, dapat dikesan bahawa kajian Melanau dalam aspek bahasa kurang dilakukan terutamanya Melanau Rajang. Kajian Melanau lenih menfokukan aspek budaya. Salah satu kajian lepas dalam aspek bahasa adalah kajian Norfazila (2016) iaitu awal inventori fonem vokal dan diftong varian Melanau Oya. Namun kajian tersebut, tidak begitu meluas dan hanya menfokuskan satu tempat sahaja iaitu Melanau Oya. Kajian terdahulu lebih menfokuskan Melanau Mukah dan lebih mendalam dalam aspek budaya, antaranya ialah kajian Salbia & Dayang Hassan (2007) iaitu kata sapaan dan panggilan dalam masyarakat Melanau : satu kajian perliminari dan kajian Chong Shin (2015) iaitu catatan dan deskripsi istilah-istilah yang berkaitan dengan sagu dalam masyarakat Melanau.

Selain itu, pengkaji telah menggunakan Kamus Melanau Mukah – Melayu Dewan (2007) dan merupakan kamus yang pertama didokumentasikan. Dalam kamus tersebut, pengkaji mendapati tidak semua kosa kata dasar disenaraikan. Pengkaji berharap, pada masa akan datang ada kamus Melanau lain yang akan didokumentasikan. Hal ini disebabkan daripada tinjauan awal pengkaji mendapati Melanau Rajang dan Melanau Mukah merupakan bahasa dan merupakan Melanau yang berbeza mengikut tempat.

Justeru itu, pengkaji berharap ada kajian yang akan datang yang dapat diteruskan lagi dalam aspek bahasa terutamanya di kawasan Melanau lembah Rejang yang kurang dilakukan. Hal ini disebabkan kajian yang dilakukan oleh penkaji iaitu persamaan dan kemiripan bahasa Melanau iaitu perbandingan kosa kata dasar Melanau Rajang dan Melanau Mukah adalah merupakan tinjauan awal dan hanya menggunakan 100 kosa kata dasar Swadesh. Pengkaji

juga lebih menfokuskan aspek morfologi dan tidak menfokuskan secara mendalam dalam aspek fonologi.

5.4. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian tinjauan awal pengkaji iaitu membuat perbandingan Melanau Rajang dan Melanau Mukah telah berjaya dilakukan. Diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada kajian Melanau yang sedia ada. Walau bagaimanapun, kajian ini masih banyak kekurangan dan boleh diteruskan oleh pengkaji seterusnya. Kajian bahasa Melanau di Sarawak kurang dilakukan seperti dialek dan bahasa lain. Justeru, bahasa Melanau yang ada di Sarawak harus ditengahkan supaya banyak kajian tentang Melanau tersebut.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, (2001). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. (Edisi ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buku Tahunan Perangkaan Sarawak. (2015). Sarawak: Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak.
- Chong Shin. (2015). Catatan dan Deskripsi Istilah-istilah yang Berkaitan dengan Sagu dalam Masyarakat Melanau. *International Journal of the Malay World and Civilisation* . 3 (3), 113-120.
- Hajah Noresah bt. Baharom. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Hsiu, C. S. (1999). Melanau and Indonesian : A comparative grammatical study. 1-84
- Matthews, Peter. 1997. *The Concise Oxford Dictionary of Linguistics*. Oxford: Oxford University Press
- Muhammad Nur Iman Ramadhan Masni, Alymer Andreas Josep, & Azzaruddin Abdullah. (2014). Adat-adat Perkahwinan Kaum Melanau. Maktab Rendah Sains Mara Mukah Sarawak.
- Munirah Abd Ghani. (2014). Persepsi Masyarakat Melanau Tradisional terhadap Kosmologi : Analisis terhadap beberapa Surah Makkiyah. *E-Proceeding of the World Conference on Integration of Knowledge (WCIK 2014)*, 15-16 September, Bandung Indonesia. 167-173.
- Nasruddin Abdullah, Jonathan Singki Lintan, & Shantrol Abdullah (2011). *Kamus Melanau Mukah – Melayu Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa, & Abdul Hamid Mahmood (2004). *Tatabahasa Dewan*, Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norfazila Ab. Hamid dan Rahim Aman (2016). Varian Melanau Sarawak: Tinjauan di Melanau Mukah. *Jurnal Melayu* 15(1).
- Norfazila Ab. Hamid. (2016). Kajian Awal Inventori Fonem Vokal & Diftong Varian Melanau Oya. *E-Proceeding International Conference On Postgraduate Research 2016 (Icpr2016)1st – 2nd December 2016*. 300-308.

- Noriah Mohamed & Hamidah Abdul Wahab. (n.d.). Tingkat Kekeabatan Bahasa Bidayuh di Sarawak. 452-483.
- Noriah Mohamed & Rohani Mohd. Yusof. (2004) Persamaan dan Kemiripan Bahasa : Perbandingan Kosa Kata Dasar 10 Bahasa Austronesia di Sarawak. 278-259.
- Portal Web Rasmi Pentadbiran Bahagian Mukah (2015). Latar Belakang. Dimuat turun dari mukah.sarawak.gov.my
- Rahim Aman & Shahidi A. Hamid. (2015). Nomenclature Varian Melanau Sarawak Dari Era Kononial ke Abad 20: Analisis Kritis 100 Tahun Interaksi Kebahasaan Genetik. *Jurnal Komunikasi*. 31(2), 211-229.
- Rahim Aman, Norfazila Abdul Hamid, & Shahidi Abdul Hamid (2015). Rekonstruksi vokal dan diftong bahasa Melanau Purba dan Nomenclature varian Melanau Sarawak dari era kononial ke abad 20. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 15(1), 189-206.
- Rahman, Y. A. (1987). *Melanau Mukah : Satu Kajian Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Reniwati. (2012). Bahasa Minangkabau Dan Dialek Negeri Sembilan: Satu Tinjauan Perbandingan Linguistik Histori S Komparatif. *Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora*.3(1), 71-86.
- Salbia Hassan & Dayang Sariah. (2007). Kata Sapaan dan Panggilan dalam Bahasa Melanau: satu kajian preliminary. *Conference, June 2007*.
- Samarin, W. J. (1967). *Field Linguistics: A Guide to Linguistics Field Work*. New York: Holt, Rinehart, & Winston.
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd
- Tengku Intan Zarina Zarina, Tengku Puji, Mazlan et al. (2014) Kepercayaan Etnik Melanau Dari Sudut Pandang Islam : Suatu Analisa. *E-Proceeding of the World Conference on Integration of Knowledge (WCIK 2014)*, 15-16 September, Bandung Indonesia. 141-147.
- Tengku Intan Zarina, Tengku Puji, Mazlan et al. (2104). Analisa Terhadap Adat dan Keistimewaan Masyarakat Melanau di Sarawak. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik : Dakwah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*. 1-14.
- Zackarnain Jaraee. (2016). *Sejarah Perkembangan Islam dalam Masyarakat Melanau : Kajian Islamisasi di Mukah Sarawak*. Tesis Sarjana Fakultas Adab dan Humaniora : Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya. 1-74.

LAMPIRAN

1. SENARAI KATA

Jadual 15 : Senarai Kosa Kata

BIL	BMS	MELANAU RAJANG		MELANAU MUKAH	
		Kata Dasar	Fonemik	Kata Dasar	Fonemik
1.	Saya	Kau	/kaw/	Akou	/akəw/
2.	Anda	Kan	/kan/ /kawən/	Kaau	/kaʔaw/
3.	Kita	Telau	/təlaw/	Telou	/tələw/
4.	Ini	Ih	/ih/	Itou	/itəw/
5.	Itu	Idun	/idun/	Yen	/jən/
6.	Siapa	Yai	/jay/	Sai	/say/
7.	Apa	Inau	/inaw/	Inou	/inəw/
8.	Tidak	Mai	/may/	Da	/da/
9.	Semua	Semuah	/səmuwah/	Semua	/səmuwa/
10.	Banyak	Idak	/idaʔ/	Idak	/idaʔ/
11.	Satu	Jaong	/dʒaʔoŋ/	Satu	/satu/
12.	Dua	Duah	/duwah/	Dua	/duwa/
13.	Besar	Ayang	/ajaŋ/	Nyat/Ayeng	/nat/ /ajəŋ/
14.	Panjang	Lalau	/lalaw/	Alou	/aləw/
15.	Kecil	Umek	/umeʔ/	Umit	/umit/
16.	Perempuan	Merou	/mərow/	Mahou	/mahəw/
17.	Lelaki	Lai	/lay/	Lai	/lay/
18.	Orang	tenawan	/tənanaw/	Apah	/apah/
19.	Ikan	Ikan	/ikan/	Jekan	/dʒekan/
20.	Burung	Manuk	/manuʔ/	Manuok	/manuwəʔ/
21.	Anjing	Asau	/asaw/	Asou	/asəw/
22.	Kutu	Kutau	/kutaw/	Kutou	/kutəw/
23.	Pokok	Daan	/daʔan/	Kayou	/kajəw/
24.	Biji	Beras	/bəras/	Alak	/alaʔ/
25.	Daun	Daun	/dawun/	Daun	/daʔun/
26.	Akar	Akai	/akay/	Akah	/akah/
27.	Kulit	Kulit	/kulit/	Kulit	/kulit/
28.	Kulit kayu	Kulit kayau	/kulit kajaw/	Kulit kayou	/kulit kajəw/
29.	Isi	Sean	/seʔan/	Sei	/səy/
30.	Darah	Darak	/daraʔ/	Daak	/daaʔ/
31.	Tulang	Tulang	/tulaŋ/	Tuleang	/tuləyaŋ/
32.	Lemak	Lemak	/ləmaʔ/	Lemak	/ləmaʔ/
33.	Telur	Telui	/təluɣ/	Teloh	/tələh/
34.	Tanduk	Tanduk	/tanduʔ/	Taduok	/taduwaʔ/
35.	Ekor	Ekui	/ikuy/	Ikew	/ikew/
36.	Bulu	Bulau	/bulaw/	Bulou	/buləw/
37.	Rambut	Buuk	/buʔuʔ/	Buok	/buwaʔ/
38.	Kepala	Ulau	/ulaw/	Ulou	/uləw/

39.	Telinga	Lingah	/liŋah/	Linga	/liŋa/
40.	Mata	Matah	/matah/	Mata	/mata/
41.	Hidung	Udung	/udwuŋ/	Uduong	/uduwoŋ/
42.	Mulut	Bak	/baʔ/	Mujun	/mudʒun/
43.	Gigi	Nyipan	/ɲipan/	Nyipen	/ɲipən/
44.	Lidah	Jelak	/dʒəlaʔ/	Jelak	/dʒəlaʔ/
45.	Jari	Berangau	/bəraŋaw/	Tujok	/tudʒoʔ/
46.	Kaki	Betis	/bətis/	Buduok	/buduwoʔ/
47.	Lutut	Ulau paak	/ulaw paʔaʔ/	Bukou	/bukow/
48.	Tangan	Agam	/agam/	Paa	/paʔa/
49.	Perut	Naei	/naʔi/	Pait	/paʔit/
50.	Dagu	Geraam	/gəraʔam/	Gaam	/gaʔam/
51.	Buah dada	Susou	/susow/	Susou	/susow/
52.	Jantung	Jantung	/dʒantuŋ/	Jatuong	/dʒatuwoŋ/
53.	Hati	Atai	/atay/	Naseng	/nasəŋ/
54.	Minum	Tutang	/tutaŋ/	Tuteng/Tengen	/tutəŋ/ /təŋen/
55.	Makan	Keman	/kəman/	Keman	/kəman/
56.	Gigit	Gugat	/gugat/	Sibut	/sibut/
57.	Lihat	Dudieng	/dudiyəŋ/	Gui	/guy/
58.	Dengar	Naah	/naʔah/	Taah	/taʔah/
59.	Tahu	Taau	/taʔaw/	Taau	/taʔaw/
60.	Tidur	Tudui	/tuduy/	Tudui	/tuduy/
61.	Mati	Kebas	/kəbas/	Matai	/matay/
62.	Bunuh	Bunuk	/bunuʔ/	Binuk	/binuʔ/
63.	Berenang	Turun	/turun/	Tuun	/tuʔun/
64.	Terbang	Tilieng	/tiliyəŋ/	pesiling	/pəsiliŋ/
65.	Jalan	Sibal	/sibal/	Makau	/makaw/
66.	Datang	Labek	/labeʔ/	Tapak	/tapaʔ/
67.	Baring	Patang	/pataŋ/	Pateang	/pateyaŋ/
68.	Duduk	Kuduk	/kuduʔ/	Kudok	/kudoʔ/
69.	Berdiri	Teredang	/tərədaŋ/	Bekedeng	/bəkədəŋ/
70.	Beri	Mubek	/mubeʔ/	Juah	/dʒuwah/
71.	Kata	Pubak	/pubaʔ/	Dengah	/dəŋah/
72.	Matahari	Matahlau	/matahlaw/	Matalau	/matalaw/
73.	Bulan	Bulan	/bulan/	Bulan	/bulan/
74.	Bintang	Bintang	/bintaŋ/	Biteang	/biteyaŋ/
75.	Air	Anum	/anum/	Nyaem	/naʔəm/
76.	Hujan	Ujan	/udʒan/	Hujan	/hudʒan/
77.	Batu	Sanau	/sanaw/	Batou	/batow/
78.	Pasir	Paser	/paser/	Nai	/nay/
79.	Tanah	Tanak	/tanaʔ/	Tanak	/tanaʔ/
80.	Awan	Awan	/lanjit/	Awan	/awan/
81.	Asap	Anus	/anus/	Tugun	/tugun/
82.	Api	Apui	/apuy/	Apui	/apuy/
83.	Abu	Abau	/abaw/	Dabou	/dabow/

84.	Bakar	Sidek	/sidəʔ/	Suleg	/suləg/
85.	Laluan	Aruh	/aruh/	Jalan	/dʒalan/
86.	Gunung	Gunuung	/gunuwuŋ/	Gunuong	/gunuwəŋ/
87.	Merah	Sak	/saʔ/	Seak	/seyaʔ/
88.	Hijau	Gadong	/gadəŋ/	Gaduong	/gaduwəŋ/
89.	Kuning	Kunin	/kunin/	Kunieng	/kuniyəŋ/
90.	Putih	Putek	/pʉtəʔ/	Apuk	/apuʔ/
91.	Hitam	Bilem	/biləm/	Bilem	/biləm/
92.	Malam	Malam	/malam/	Malem	/maləm/
93.	Panas	Lasuk	/lasuʔ/	Lasuk	/lasuʔ/
94.	Sejuk	Sejuk	/sədʒuʔ/	Singuoh	/siŋuwəh/
95.	Penuh	Penuk	/pənuʔ/	Pul	/pul/
96.	Baru	Jakin	/dʒakin/	Bak-ow	/baʔow/
97.	Baik	Daau	/daʔaw/	Diak	/diyaʔ/
98.	Bulat	Bulong	/buləŋ/	Bulet	/bulət/ /butəʔ/
99.	Kering	Muang	/muwaŋ/	Weang	/weyaŋ/
100.	Nama	Ngadan	/ŋadan/	ngadan	/ŋadan/

2. PROFIL INFORMAN

Informan Pertama :

Nor Azman Bin Mat
650209135921
54 tahun
Kampung Hilir Jerijih

Informan Kedua :

Dayang Rosmah Binti Awang Fauzi
641006135468
55 tahun
Kampung Hilir Jerijih